2010

AKADEMI SAINS MALAYSIA

Laporan Tahunan
Annual Report



Akademi Sains Malaysia | Academy of Sciences Malaysia
902-4, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

Tel: 603 – 2694 9898
Fax: 603 – 2694 5858
Laman web | Website: www.akademisains.gov.my
E-mel | E-mail: admin@akademisains.gov.my

© Akademi Sains Malaysia 2011.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without permission of the Copyright owner.

KANDUNGAN | CONTENTS

Laporan Presiden | President's Report 1
Fungsi ASM | Functions of ASM 18
Teras ASM | Thrusts of ASM 19
Matlamat ASM | Goals of ASM 19
Strategi ASM | Strategies of ASM 19
Aktiviti ASM | Activities of ASM 19
Pihak Berkepentingan ASM | Stakeholders of ASM 20
Piagam Pelanggan Sekretariat | Secretariat's Client Charter 20
Felo Kehormat | Honorary Fellows 21
Felo Kanan | Senior Fellows 22
Felo Baru | New Fellows 23
Senarai Felo | List of Fellows 24
Ahli Majlis ASM 2010 – 2011 | ASM Council Members 2010 – 2011 27
Mesyuarat Agung Tahunan ke-15 | 15th Annual General Meeting 28
Mesyuarat Majlis | Council Meeting 29
Keahlian ASM | ASM Membership 30
Jawatankuasa Kerja dan Badan Bertindak 2010 – 2011 | Working Committees and Task Force 2010 – 2011 30
Carta Organisasi ASM | ASM Organisational Chart 38
Carta Organisasi Sekretariat | Organisational Chart of the Secretariat 39
Dalam Kenangan | In Memorium 41
Projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) | Ninth Malaysia Plan (9MP) Projects 45

Aktiviti | Activities 47

Pembangunan untuk Sains | Development for Science 49
Kecemerlangan Sains | Science Excellence 51
Sains dan Masyarakat | Science and Society 65
Jaringan Kerjasama Antarabangsa | International Linkages 79
Projek Khas | Special Projects 89
Penerbitan ASM | ASM Publications 97

Sains untuk Pembangunan | Science for Development 103
Nasihat kepada Kerajaan | Advice to Government 105

Pencapaian Program RMK9 Tahun 2010 | Achievements of 9MP Programme for the Year 2010 115

Akronim | Acronyms 125

Laporan Kewangan | Financial Reports 129

Visi

... menjadi pemimpin pemikir saintifik ke arah pembangunan sains demi menjadikan Malaysia sebagai penyumbang kepada kemajuan sains.

Vision

... to be the scientific thought leader in advancing science for Malaysia to become a contributor to science.

Pernyataan Misi

... menjadi pemimpin pemikir saintifik ke arah pembangunan sains demi menjadikan Malaysia sebagai penyumbang kepada kemajuan sains.

Mission Statement

... the pursuit, encouragement and enhancement of excellence in the fields of science, engineering and technology for the development of the nation and the benefit of mankind.



Luminous Trail Series

by MOHD FIRDAUS MOHD HERROW
Finalist, ASM Photo Contest

Laporan Presiden | President's Report



Tan Sri Dr Yusof Basiron F.A.Sc.
Presiden, Akademi Sains Malaysia.
President, the Academy of Sciences Malaysia.

Akademi Sains Malaysia telah menjadi kumpulan pemikir S&T pihak Kerajaan daripada 16 tahun penubuhannya. Akademi Sains Malaysia selayaknya dikatakan sebagai "kuasa penjana ilmu pengetahuan" menurut YB Menteri MOSTI baru-baru ini. Ya, sememangnya benar "ilmu adalah kuasa". ASM kini mempunyai 185 orang Felo (saintis dalam kesemua enam disiplin Akademi) yang merupakan tokoh dalam pelbagai bidang sains, kejuruteraan dan teknologi (SET) yang dilengkapi pengalaman dan kepakaran bertahun dalam R&D, pengurusan dan pengamalannya. Kematangan hadir dengan meningkatnya usia, dan dengan kehadiran bakat baru di sini selaku ASM *Associates* baru-baru ini, benteng pengetahuan Akademi pastinya menjadi sebuah kuasa yang amat penting, dan mempunyai kelebihan menjayakan usaha negara dalam menggalakkan sains bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui pencapaian kecemerlangan dalam sains.

The Academy of Sciences Malaysia has been the S&T think tank for the Government for the past 16 years of its academic existence. It was fittingly touted recently as the "power-house of knowledge" by the Hon. Minister of MOSTI. Yes, indeed "knowledge is power". ASM now has 185 Fellows of the Academy (scientists in six disciplines) who are giants in their various fields of science, engineering and technology (SET) equipped with years of experience and expertise in R&D, management and the practice of it. Wisdom comes with age, and with the recent infusion of new blood into the fold made up of the Associates, the edifice of the Academy will indeed be a greater force to be reckoned with, and will be at a vantage position to carry the nation's flag in promoting science for the betterment of society in the pursuit of excellence in science.

Laporan Presiden

Walaupun ASM mempunyai Akta yang tersendiri, ia masih kekurangan 3M — *mandat*, *kewangan* dan *sumber manusia* bagi pentadbirannya secara lebih cekap dan berkesan. Ia hanya diberikan mandat iaitu kuasa dan kemampuan untuk menggalakkan hal ehwal berkaitan SET seperti yang termaktub dalam Akta Akademi; kerana itu kepakaran yang kita miliki masih tidak dipergunakan sepenuhnya, dikembangkan dan dieksploitasi oleh kerajaan dan agensi berkaitan. Terdapat keperluan bagi mengukuhkan profil dan keterampilan sumber manusia Akademi; ia perlu distrukturkan semula dan sistem perjawatan tetap perlu diadakan bagi kakitangannya. Akademi diwujudkan bagi mempromosikan sains ke arah yang lebih tinggi; ia amat memerlukan peruntukan yang sewajarnya bagi menjalankan pelbagai kajian dan penyelidikan untuk menjayakan hasrat Akademi serta memenuhi aspirasi negara untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi berteraskan pengetahuan, seterusnya menyumbang kepada peningkatan status sosio-ekonomi masyarakat, KDNK dan pembangunan lestari. Kesemua ini seharusnya berlaku bagi membentuk sebuah negara berstatus maju sepenuhnya dalam tempoh sedekad lagi. Kita sememangnya telah kesuntukan masa. Apa jua yang berlaku dalam masa beberapa tahun akan datang ini bakal menentukan sama ada kita benar-benar serius dalam menyertai perlumbaan global untuk menjadi sebuah ekonomi berteraskan pengetahuan.

Seperti yang dijelaskan di Mesyuarat Agung Tahunan ke-15 pada April 2010, Model Ekonomi Baru (NEM) telah dilancarkan pada 30 Mac 2010 dengan visi untuk mentransformasikan Malaysia kepada ekonomi berdaya saing, berteraskan pengetahuan, inovatif dan mesra alam yang akan membawa negara ke arah kesejahteraan ekonomi. Adalah penting bahawa komponen STI ditunjukkan dengan jelas dalam NEM, khususnya bagi meningkatkan jaringan kesepakatan ilmu antara pengajian tinggi, penyelidikan dan inovasi, dan juga bagi meningkatkan pelaburan untuk menggalakkan pembiayaan inovasi dan permodalan ke arah memajukan pengkomersialan melalui pendekatan modal usaha sama. Pihak Kerajaan didesak menerusi pelbagai seminar dan persidangan utama berkaitan sains yang dianjurkan, supaya meningkatkan dana R&D daripada kurang 1% kadar KDNK kepada paras yang setanding dengan negara "kuasa besar ekonomi" di ASEAN dan Asia Tenggara. Hakikatnya ketika ini, di bawah RMK10, sejumlah RM700 juta diperuntukkan kepada pelbagai sektor bagi tujuan R&D dan pengkomersialan.

President's Report

Although ASM has an Act, however, it still lacks two of the crucial *3Ms — mandate, money,* and *manpower* to effectively and efficiently administer the Academy. It only has the mandate i.e. authority and power to pursue the cause of SET as stipulated by the Academy's Act, but our expertise is not fully utilized, realized and exploited by the government and other agencies. There is a need to sharpen the profile and visibility of the Academy's manpower; it needs to be re-structured and a permanent establishment must be created for the staff. The Academy was created for promoting science to greater heights; it critically needs the budget for various studies and research to pursue the cause of the Academy and fulfill the nation's aspirations to be a knowledge-based high-income economy, contributing to alleviate the socio-economic status of the mass, GDP and sustainable development in the country. All these are for the making of a full-fledged developed-nation status in a decade's time. We indeed do not possess the luxury of time. Whatever happens in the next few years will determine whether we are really serious to join the global race to become a real knowledge economy.

As expounded at the 15th Annual General Meeting in April 2010, the New Economic Model (NEM) was launched on 30 March 2010 and had the vision to transform Malaysia into a competitive, knowledge-based, innovative and eco-efficient economy that would drive the country towards economic prosperity. It is imperative that the STI component be clearly reflected in the NEM, particularly to enhance the knowledge triangle of higher education, research and innovation as well as to promote investment to encourage innovation financing and risk capital towards improving commercialization through the venture capital approach. The government has been urged, during major science-related seminars and conferences, to increase the R&D funds from less than 1% of the GDP to that of a level of some "economic powerhouses" of ASEAN and Southeast Asian countries. It is a reality now that under 10MP some RM700 million was allocated to various sectors for R&D and commercialization.



Felo ASM di Mesyuarat Agung Tahunan ke-15. | *Fellows of the Academy at the 15th AGM.*

Laporan Presiden

Sumber manusia (HR) adalah salah satu petunjuk penting dalam R&D dan sekiranya S&T dianggap sebagai enjin pembangunan, perkembangan HR dan R&D adalah amat penting dan pelaburan dalam R&D perlu ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 2% daripada kadar KDNK. Bagi mendapatkan manfaat daripada R&D secara berterusan, negara perlulah mempunyai pelaburan yang ditingkatkan selama 15 tahun terlebih dahulu dalam R&D. Sekiranya matlamatnya adalah untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang yang khusus, misalnya kelapa sawit dan getah dalam suatu tempoh tertentu, pelaburan perlulah telah dilakukan terlebih dahulu selama 40 tahun, seperti yang dilakukan di Malaysia, disebabkan jangkauan masa yang diperlukan bagi mendapatkan pulangan dalam pelaburan R&D. Oleh itu, manfaat yang bakal diperoleh daripada S&T sebagai sebuah enjin pembangunan hanya akan jelas dalam 20 tahun lagi. Isu sebegini perlulah disampaikan serta diperjelaskan kepada pihak berkuasa atau mereka yang memegang tampuk kuasa, Felo dan kesemua pihak yang berkepentingan supaya tidak menimbulkan salah faham atau membawa kepada dilema kerana permintaan supaya peningkatan hasil segera diperoleh namun pelaburan sewajarnya tidak dilakukan terlebih dahulu.

Sepanjang tempoh perkhidmatan saya, Akademi telah mencapai sebegitu banyak pencapaian dan aktiviti berkaitan bidang sains: Program *Angkasawan*; pelancaran jurnal saintifik kita sendiri (*ASM Science Journal*); penganugerahan Felo Kehormat ASM kepada Nobel Laureate Prof Ahmad Zewail; Nanoteknologi Malaysia 2007—persidangan dan pameran nanoteknologi yang pertama; Simposium Antarabangsa mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi Islam; penggalakan penggunaan bahasa Melayu dalam S&T (*Pengembaraan Merentasi Masa: Satu Perjalanan ke Arah Hadiah Nobel* dan *Kecemerlangan Sains dalam Tamadun Islam: Sains Islam Mendahului Zaman* telah diterjemahkan daripada bahasa English); penerimaan peruntukan berjumlah RM16 juta bagi projek RMK9 daripada MOSTI; penyampaian Anugerah Sains Mahathir bagi 2006 – 2007 dan tahun 2008 – 2009, masing-masingnya oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak; pelantikan Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid selaku Felo Kehormat Akademi; permulaan Rangka-Kerja Sains Mega bagi Pembangunan Berterusan Negara (2011 – 2050) bagi mengenal pasti peluang S&T dalam menyumbang ke arah mencapai pembangunan dan peningkatan

President's Report

Human resource (HR) is one of the key indicators of R&D and if S&T is the engine of growth, development of HR and R&D is vital and investment in R&D must increase to at least 2% of the GDP. To regularly benefit from R&D the nation should have some 15 years prior increased investment in R&D. If the aim was to really excel in a particular area such as oil palm and rubber by a certain time, investments must have been made at a higher level about 40 years prior, as Malaysia had done, due to the lead time required to benefit from the fruits of investment in R&D. Thus the benefits from S&T as an engine of growth will only be manifested some 20 years later. These issues need to be communicated and explained to the authorities or the powers that be, Fellows and all stakeholders so that it is not misunderstood or lead to a dilemma whereby demands are made for immediate increased results while requisite investments were not made earlier.

Up to the end of the period of my tenure, the Academy has achieved many outstanding science-related achievements and activities: the *Angkasawan* Space Programme; the launch of our own scientific journal (*ASM Science Journal*); conferment of ASM Honorary Fellowship on Nobel Laureate Prof Ahmad Zewail; Nanotechnology Malaysia 2007—first conference and exhibition on nanotechnology; International Symposium on Islamic Science, Technology and Innovation; promoting the Malay language in the use of S&T (*Pengembaraan Merentasi Masa: Satu Perjalanan ke Arah Hadiah Nobel* and *Kecemerlangan Sains dalam Tamadun Islam: Science Islam Mendahului Zaman* were translated from English); securing an allocation of RM16 million for RMK9 projects from MOSTI; presentation of the Mahathir Science Award for 2006 – 2007, and 2008 – 2009, by Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong and YAB Prime Minister, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, respectively; the appointment of Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid as Honorary Fellow of the Academy; the initiation of the Mega Science Framework for Sustained National Development (2011 – 2050) to identify S&T opportunities to contribute towards achieving the nation's sustained economic development and growth; the re-structuring of the ASM Secretariat

Laporan Presiden

ekonomi negara secara mampan; penstruktu-ran semula Sekretariat ASM bagi menekankan strategi berkembar Akademi: *pembangunan untuk sains* dan *sains untuk pembangunan*; pelancaran Pusat STI Antarabangsa bagi Kerjasama Selatan-Selatan (ISTIC) di bawah naungan UNESCO oleh YB Menteri MOSTI, Datuk Seri Dr Maximus J. Ongkili pada 22 Mei 2008; penganjuran Anugerah Inovasi Negara pada 2008, dan pelancaran *Dunia Sains*, terjemahan bahasa Melayu penerbitan berkala (*newsletter*) UNESCO—*A World of Science*.

Tahun 2010 juga merupakan salah satu tahun yang amat bermakna—Akademi sekali lagi menunjukkan kemampuannya mengetengahkan strategi berkesan bagi membawa agenda STI negara ke hadapan berdasarkan model ekonomi baru, serta bertindak selaku pemangkin dalam menggerakkan mekanisme bagi menggalakkan persekitaran berinovasi berasaskan teknologi menerusi Persidangan Antarabangsa ASM (ASMIC) yang telah dianjurkan buat pertama kalinya. ASMIC bakal menjadi acara dwitahunan yang penting dalam catatan Akademi. Ia telah diadakan pada 2 – 3 Jun dan menarik lebih 300 peserta. Satu syarahan ucaptama dan 12 kertas pleno telah dibentangkan. YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad telah menyampaikan Syarahan Ucaptama bertajuk *Building an Innovative Nation*. Unsur yang perlu wujud bagi membentuk persekitaran berinovasi berasaskan teknologi telah digabungkan menerusi sebuah laporan nasihat (*Advisory Report ASM 1/2010*) dan disampaikan kepada MOSTI, Kementerian berkaitan, agensi pusat dan juga organisasi yang berkenaan.

President's Report

for the emphasis on the twin strategies for the Academy: *development for science* and *science for development*; the launching of the International STI Centre for South-South Co-operation (ISTIC) under the auspices of UNESCO by the Hon. Minister of MOSTI, Datuk Seri Dr Maximus J. Ongkili on 22 May 2008; the organizing of the National Innovation Award in 2008, and the launching of *Dunia Sains,* the Malay translation of the UNESCO newsletter—*A World of Science*.

The year 2010 was another year of great significance—the Academy once again exhibited its prowess in recommending effective strategies to drive the STI agenda of the nation forward on the basis of the new economic model, and to serve as a catalyst for enabling mechanisms to promote an environment for technology-based innovation via the ASM International Conference (ASMIC), which was organized for the first time. ASMIC will be a major biennial feature in the annals of the Academy. It was held from 2 – 3 June and attracted over 300 participants. A keynote address together with 12 plenary papers was delivered. YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad presented a Keynote Address entitled *Building an Innovative Nation*. Essential elements for creating the environment for technology-based innovation were synthesized in an advisory report (*ASM Advisory Report 1/2010*) and disseminated to MOSTI, other relevant Ministries, central agencies, and organizations.



Majlis Penganugerahan Felo dan Pelancaran Biografi/Autobiografi.
Conferment Ceremony of Fellows and Launching of Biography/Autobiography.

Laporan Presiden

President's Report



YB Menteri MOSTI bersama Felo Akademi yang baru dilantik.
The Hon. Minister of MOSTI with the newly appointed Fellows of the Academy.



YB Timbalan Menteri MOSTI merasmikan pembukaan Persidangan Antarabangsa ASM (ASMIC) yang pertama.
The Hon. Deputy Minister of MOSTI declared open the first ASM International Conference (ASMIC).



YB Tun Dr Mahathir Mohamad, Felo Kehormat Akademi menyampaikan Syarahan Ucaptama.
Hon. Tun Dr Mahathir Mohamad, Honorary Fellow of the Academy presenting the Keynote Address.



YB Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Felo Kehormat Akademi mempengerusikan mesyuarat pertama Yayasan Anugerah Sains Mahathir. | *Hon. Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Honorary Fellow of the Academy chairing the first meeting of the Mahathir Science Award Foundation.*

Laporan Presiden

Pewujudan Anugerah Sains Mahathir merupakan salah satu pencapaian yang bakal membawa pengiktirafan antarabangsa kepada Anugerah berkenaan, menggambarkan peranan dan sumbangan negara dalam STI dan menggalakkan kerja R&D yang berkaitan dengan masalah dunia tropika. Satu lagi pencapaian penting dalam menyuburkan kecemerlangan saintifik, penggabungan dan jaringan kerjasama kepada Akademi adalah penganugerahan Felo Kehormat ASM kepada Prof Lee Yuan Tseh yang menjadi penerima bersama Anugerah Nobel tahun 1986 dalam bidang Kimia. Pelantikan ASM *Associates* merupakan satu lagi langkah pragmatik untuk Akademi bergerak ke hadapan bagi mengatasi kekurangan tenaga mahir dalam bidang bukan SET untuk memenuhi peranan dan visi kita dengan cekap dan berkesan. Ia juga bertujuan bagi membantu Felo dalam bidang yang khusus serta memenuhi keperluan yang semakin meningkat dalam disiplin antara bidang dan kepakaran khusus. Kajian Sains Mega juga telah menamatkan laporannya mengenai air, tenaga, kesihatan dan pertanian.

Wawasan 2020 perlu, dan boleh dicapai, menerusi kecemerlangan dalam program sains yang menggerak dan mempercepatkan keupayaan serta kemampuan negara dalam R&D dan pengkomersialan. Bagi tujuan ini, aktiviti berikut dijalankan untuk mencapai aspirasi Akademi dan juga negara. Program Nobel Laureate Kebangsaan menjadi pemangkin kepada pencapaian kecemerlangan STI di Malaysia bagi persaingan peringkat nasional dan pengiktirafan antara-bangsa. Pada tahun ini, lima orang saintis muda (Dr Abhimanyu Veerakumarasivam dari UPM; Dr Normi Mohd Yahaya dari USM; Dr Chen Jer Ming dari Universiti New South Wales; Oh Pei Ching dari USM; dan Siti Najihah Abu Bakar dari UTM) telah dipilih untuk mewakili Malaysia pada Mesyuarat Pemenang Hadiah Nobel dengan Saintis Muda ke-60 di Lindau, Jerman. Mesyuarat Nobel Laureate merupakan pertemuan antara disiplin yang dikhaskan kepada kimia, fizik dan fisiologi/perubatan telah diadakan dari 27 Jun – 2 Julai. Delegasi yang diketuai oleh Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor F.A.Sc., juga turut menyertai Forum Terbuka Sains Eropah di Torino, Itali (3 – 4 Julai), diikuti dengan lawatan sambil belajar (4 – 10 Julai) ke beberapa buah pusat kecemerlangan penyelidikan saintifik di Austria dan Sweden.

President's Report

The fruition of the Mahathir Science Award Foundation is another achievement which would create international recognition of the Award, portray the nation's role and contribution in STI and encourage R&D work related to the problems of the tropics. Another milestone in the area of boosting scientific excellence, affiliation and networking for the Academy is the conferment of Honorary Fellowship of ASM to Prof Lee Yuan Tseh who shared the 1986 Nobel Prize for Chemistry. The appointment of ASM Associates is another pragmatic step forward for the Academy to short-circuit the lack of the availability of experts in non-SET areas to fulfill our role and vision effectively and efficiently. The aim is also to assist Fellows in specified specialized areas and to meet the ever growing demands of inter-disciplinary and specialized areas of expertise. The Mega Science Study has also successfully completed its reports on water, energy, health and agriculture.

The *Vision 2020* must, and can be achieved, through excellence in the science programmes which drives and accelerates the nation's capacity and capability in R&D and commercialization. To this end, the following activities fell into place in achieving the Academy's and the nation's aspirations. The National Nobel Laureate programme catalyzes the achievement of excellence in STI in Malaysia for national competitiveness and international recognition. This year, five young scientists (Dr Abhimanyu Veerakumarasivam of UPM; Dr Normi Mohd Yahaya of USM; Dr Chen Jer Ming of University of New South Wales; Oh Pei Ching of USM; and Siti Najihah Abu Bakar of UTM) were selected to represent Malaysia at the 60th Meeting of Nobel Prize Winners with Young Scientists in Lindau, Germany. The Meeting of Nobel Laureates was an inter-disciplinary meeting dedicated to chemistry, physics and physiology/medicine was held from 27 June – 2 July. The delegation which was led by Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor F.A.Sc., also participated in the European Science Open Forum in Torino, Italy (3 – 4 July), followed by a study visit (4 – 10 July) to some Austrian and Swedish centres of excellence in scientific research.

Laporan Presiden

Pada tahun 2010, Akademi memulakan penubuhan Yayasan Anugerah Sains Mahathir bagi meninggikan taraf Anugerah Sains Mahathir agar menjadi salah satu anugerah sains antarabangsa yang terunggul. Yayasan tersebut, dipengerusikan oleh Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, diwujudkan pada 11 Jun 2010. Anugerah Sains Mahathir, dimulakan oleh Akademi pada tahun 2005, diberikan kepada para saintis, institusi dan juga organisasi dari serata dunia yang membawakan pencapaian baru yang mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam menerokai penyelidikan tropika. Ini sebagai mengiktiraf sumbangan dan inovasi ke arah menyelesaikan masalah dunia tropika melalui sains dan teknologi.

Dua bengkel telah dianjurkan di KL bagi merumuskan kriteria pemilihan, kewajaran penilaian dan pelan pelaksanaan projek Penyelidik STI Unggul Malaysia yang telah dimulakan pada 2009 untuk mengenal pasti pencapaian saintis penyelidikan di Malaysia. Jawatankuasa Kerja berkenaan yang diketuai oleh Prof Asma Ismail F.A.Sc. kini sedang berusaha ke arah pelaksanaan projek tersebut, dijangka akan dilancarkan pada April 2011.

Akademi, dengan usaha sama Majlis Kanser Negara diberikan kepercayaan memilih para penerima Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA. Majlis tersebut menyediakan peruntukan sebanyak RM100 000 bagi Anugerah berkenaan tahun ini, dan daripada sejumlah 48 permohonan yang diterima, Dr Amin Malik Shah Abdul Malik Majid (USM), Dr Wong Yoon Sim (Universiti Monash) dan Prof Madya Cheah Yoke Kqueen (UPM), didapati layak menerima geran penyelidikan berjumlah RM30 000 setiap seorang.

Bagi menggalakkan penyelidikan, terutamanya dalam bidang sains bioperubatan, Akademi dan MOSTI menganjurkan Syarahan Memorial Dr Ranjeet Bhagwan Singh buat kali ke-12 pada 9 Ogos di Akademi Perubatan Malaysia. Prof Duane J. Gubler, terkenal dalam bidang perubatan dan penyakit berjangkit di tropika, menyampaikan syarahannya bertajuk *The Global Threat of Epidemic Emergent/ Re-Emergent Infectious Disease: Lessons Learned and Prospects for the Future*. Beliau menerangkan hakikat kepentingan membangunkan semula infrastruktur kesihatan awam bagi mencegah, mengesan dan mengawal wabak penyakit berjangkit pada peringkat permulaannya, kepada seramai lebih kurang 70 peserta. Di dalam bidang yang sama, dua penyelidik (Dr Khoo Boon Yin dari

President's Report

In 2010, the Academy embarked on the establishment of the Mahathir Science Award Foundation to uplift the stature of the Mahathir Science Award to become one of the prominent international science awards. The Foundation, chaired by Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, was established on 11 June 2010. The Mahathir Science Award, established by the Academy in 2005, is conferred on scientists, institutions or organizations worldwide that have made internationally recognized breakthroughs in pioneering tropical research. This is in recognition of contributions and innovations towards solving problems in the tropics through science and technology.

Two workshops were organized in KL to formulate the selection criteria, weightage for evaluation and implementation plan of the Top Research Scientists Malaysia project which was initiated in 2009 to identify the accomplishments of Malaysian research scientists. The Working Committee led by Prof Asma Ismail F.A.Sc. is working towards the implementation of the project, expected to be launched in April 2011.

The Academy, in collaboration with the National Cancer Council was entrusted to select the recipients for the MAKNA Cancer Research Award. The Council allocated RM100 000 for the Award this year, and from the 48 submissions received, Dr Amin Malik Shah Abdul Malik Majid (USM), Dr Wong Yoon Sim (Monash University) and Associate Prof Cheah Yoke Kqueen (UPM), were adjudged to receive a research grant of RM30 000 each.

To promote research, especially in the area of biomedical sciences, the Academy with MOSTI, for the 12th time organised the Dr Ranjeet Bhagwan Singh Memorial Lecture on 9 August at the Academy of Medicine of Malaysia. Prof Duane J. Gubler, famed for tropical medicine and infectious diseases, delivered his lecture entitled *The Global Threat of Epidemic Emergent/ Re-Emergent Infectious Disease: Lessons Learned and Prospects for the Future*. He elucidated on the importance of rebuilding the public health infrastructure to prevent, detect, and control epidemic infectious diseases at the point of origin, to about 70 enthusiasts. Under the same platform, two researchers (Dr Khoo Boon Yin

Laporan Presiden

USM dan Dr Hoh Boon Peng dari UiTM) juga turut dianugerahkan Fellowship Antarabangsa.

Lawatan Prof Albert De Roeck dari Pertubuhan Eropah bagi Penyelidikan Nuklear (CERN) ke Malaysia pada bulan April membawakan permulaan kerjasama para saintis Malaysia dan CERN. ASM, dilantik selaku badan penaung bagi memudahkan kerjasama, menganjurkan beberapa mesyuarat dengan pihak berkepentingan yang berminat sepanjang tahun berkenaan bagi menilai bidang yang relevan untuk kerjasama penyelidikan dan merumuskan cadangan kerjasama penyelidikan.

Minat Akademi dalam arena biodiversiti dibuktikan menerusi pelbagai ekspedisi bagi meningkatkan pengetahuan saintifik mengenai tempat yang kurang diterokai di Malaysia dan juga di luar negara. Penyelidikan sebegini, selain daripada mendidik, memberi ilham dan membawa cabaran kepada para saintis muda, malah turut menerokai kepelbagaian flora dan fauna, air dan kehidupan akuatik, masyarakat setempat, kepelbagaian fizikal dan geologi, dan potensi ekopelancongan di tempat yang dikaji. Dalam bulan Jun, seminar pasca ekspedisi mengenai Ekspedisi Saintifik Gunung Benom pada 2009 telah dianjurkan bersama Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara. Ekspedisi Saintifik Ngarai Imbak selama 10 hari (26 November – 5 Disember) juga turut dianjurkan bersama Yayasan Sabah yang melibatkan 100 penyelidik.

Adalah perlu golongan saintis berkomunikasi dengan masyarakat umum. Program Sains dan Masyarakat di Akademi telah dibentuk bagi mendidik orang awam mengenai hal berkaitan STI dan memberi landasan kepada masyarakat saintifik bagi bertukar-tukar idea serta memudahkan perbincangan peringkat tinggi dengan pakar dan tokoh penting.

Dalam misi kita untuk menggabungkan sains dan masyarakat, syarahan berkaitan hal ehwal semasa bagi orang awam sehingga kepada pelbagai aktiviti di sekolah telah dianjurkan bagi menjana dan merangsang minat terhadap sains di kalangan masyarakat umum; bagi menggalakkan pembelajaran dan penceburan kerjaya bidang sains di kalangan golongan muda. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah seperti yang di bawah.

Syarahan Tokoh Terkemuka telah disampaikan oleh Prof R.K. Pachauri, Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee F.A.Sc. dan Prof Emeritus Bruce Alberts, masing-masingnya mengenai perubahan iklim, biodiversiti dan pendidikan sains.

President's Report

of USM and Dr Hoh Boon Peng of UiTM) were also awarded International Fellowship.

The visit of Prof Albert De Roeck from the European Organization for Nuclear Research (CERN) to Malaysia in April initiated collaboration between Malaysian scientists and CERN. ASM, being appointed as the umbrella body to facilitate collaboration, organized several meetings with interested stakeholders during the year to assess relevant areas for research collaboration and to formulate collaborative research proposals.

The Academy's interest in biodiversity is manifested in the various scientific expeditions to enhance scientific knowledge on less explored areas in Malaysia and overseas. These studies, besides educating, inspiring and providing challenges to young scientists, also explore the flora and fauna diversity, water and aquatic life, local community, physical and geological diversity, and eco-tourism potential of the study areas. In June, a post-scientific expedition seminar on the 2009 Gunung Benom Scientific Expedition was co-organized with the Department of Wildlife and National Park. A 10-day (26 November – 5 December) Imbak Canyon Scientific Expedition was also jointly organized with Yayasan Sabah involving 100 researchers.

It is necessary for scientists to communicate to society at large. The Academy's Science and Society programmes are geared to educate the public on STI matters and to provide platforms for the scientific community to exchange ideas and facilitate high level discussions with experts and key resource persons.

In our mission to merge science with society, lectures on current subject areas for the public to various school activities were organized to generate and stimulate interest in science among the public; to encourage learning and pursuing careers in the sciences among the young. Among the activities organized are outlined below.

The Eminent Persons Lectures were imparted by Prof R.K. Pachauri, Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee F.A.Sc. and Prof Emeritus Bruce Alberts on the subject of climate change, biodiversity and science education, respectively.

Laporan Presiden

Felo Akademi yang baru dilantik juga berkongsi kepakaran mereka dengan Felo lain serta memperkenalkan peranan dan laluan kerjaya mereka kepada masyarakat dunia saintifik dalam 10 siri Syarahan Perdana berikut:

- Dr Tan Swee Lian F.A.Sc. — *Cassava and Sweetpotato — What the Future Holds or Quietly the Tuber Fills…*
- Prof Lim Koon Ong F.A.Sc. — *Biomass: The Green-gold*
- Prof Fun Hoong-Kun F.A.Sc. — *Single Crystal X-Ray Structural Determination: A Powerful Technique for Natural Products Research and Drug Discovery*
- Dr Wong Lai Yoong F.A.Sc. — *Organometallics for All Seasons*
- Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak F.A.Sc. — *Reinventing Science*
- Dr Kamarudin Ab Malek F.A.Sc. — *Natural Rubber Protects Structures from Earthquake*
- Prof Jafri Malin Abdullah F.A.Sc. — *Decade of the Mind 2010 – 2020: How Malaysian Neuroscientists Must Create Knowledge, Skills and Innovative Research to the New Economic Model*
- Prof Adeeba Kamarulzaman F.A.Sc. — *The Twin Epidemics of HIV and Substance Use in Malaysia: Towards Evidence-based Policies*
- Prof Rosnah Mohd Zain F.A.Sc. — *Advancing Science through the Concept of Sharing: The Mouth Cancer Scenario;* and
- Dr Heong Kong Luen F.A.Sc. — *Biodiversity Threats in Rice Ecosystems of Asia: New Challenges in Communicating to Farmers.*

Siri Syarahan Awam yang telah dianjurkan sepanjang tahun meliputi bidang sains semasa dan kritikal dalam faramakogenetik, pendidikan pengurusan teknologi hijau dan persekitaran, sel stem dalam perubatan pemulihan, perubahan iklim global, teknologi perubahan dan krisis mega kelestarian global yang baru muncul. Ia disampaikan oleh para saintis terkemuka seperti Prof Leif Bertilsson (Hospital Universiti Karolinska), Prof Nigel Bell (Kolej Imperial), Prof Madya Dr Bing Lim (Institut Genom Singapura dan Sekolah Perubatan Harvard), Prof John Pyle (Universiti Cambridge), Prof Phang Siew Moi F.A.Sc. (Universiti Malaya), dan Dr Glen Reynolds (Program Penyelidikan Hutan Hujan Asia Tenggara, Persatuan Diraja).

President's Report

Newly appointed Fellows of the Academy also shared their expertise with other Fellows of the Academy and introduced their roles and career paths to the scientific fraternity in the following 10 Inaugural Lectures:

- Dr Tan Swee Lian F.A.Sc. — *Cassava and Sweetpotato — What the Future Holds or Quietly the Tuber Fills…*
- Prof Lim Koon Ong F.A.Sc. — *Biomass: The Green-gold*
- Prof Fun Hoong-Kun F.A.Sc. — *Single Crystal X-Ray Structural Determination: A Powerful Technique for Natural Products Research and Drug Discovery*
- Dr Wong Lai Yoong F.A.Sc. — *Organometallics for All Seasons*
- Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak F.A.Sc. — *Reinventing Science*
- Dr Kamarudin Ab Malek F.A.Sc. — *Natural Rubber Protects Structures from Earthquake*
- Prof Jafri Malin Abdullah F.A.Sc. — *Decade of the Mind 2010 – 2020: How Malaysian Neuroscientists Must Create Knowledge, Skills and Innovative Research to the New Economic Model*
- Prof Adeeba Kamarulzaman F.A.Sc. — *The Twin Epidemics of HIV and Substance Use in Malaysia: Towards Evidence-based Policies*
- Prof Rosnah Mohd Zain F.A.Sc. — *Advancing Science through the Concept of Sharing: The Mouth Cancer Scenario*; and
- Dr Heong Kong Luen F.A.Sc. — *Biodiversity Threats in Rice Ecosystems of Asia: New Challenges in Communicating to Farmers.*

The Public Lectures organized during the year covered global current and critical areas of science on pharmacogenetics, green technology management and environment education, stem cells in regenerative medicine, global climate change, transformative technologies and emerging global sustainability mega-crises. These were delivered by renowned scientists like Prof Leif Bertilsson (Karolinska University Hospital), Prof Nigel Bell (Imperial College), Associate Prof Dr Bing Lim (Genome Institute of Singapore and Harvard Medical School), Prof John Pyle (University of Cambridge), Prof Phang Siew Moi F.A.Sc. (University of Malaya), and Dr Glen Reynolds (The Royal Society Southeast Asia Rainforest Research Programme).

Laporan Presiden

Banyak masa dan sumber telah dikeluarkan bagi menganjurkan acara ini dan hasil penyebaran maklumat yang akhirnya ingin dicapai hanya akan tercapai sekiranya syarahan berkenaan dihadiri ramai, dan publisiti dibuat dengan baik oleh Akademi dan pihak penganjur bersama. Yang penting sekali, syarahan ini perlulah didokumentasikan dan diterbitkan dalam monograf dan dokumen aliran semasa, bahkan dimuatkan dalam pelbagai laman web untuk capaian terbuka. Adalah penting Akademi 'dilihat' sebagai penyebar maklumat secara global, dan memberikan sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan sains.

Kita dapat menilai sesebuah institusi itu melalui penghasilannya; penerbitan Akademi merupakan bukti yang jelas. Adalah amat memuaskan untuk menyatakan bahawa Akademi telah mencapai program penerbitan saintifik yang menyeluruh. Sememangnya ini menggambarkan fungsi kita, dan ia meresapi objektif, matlamat dan misi kita. Ia merupakan hasil akhir bagi aktiviti kita dan merekodkan pencapaian Akademi. Pembiayaan RMK9 telah menjadi tunjang program penerbitan saintifik ASM dan bagi meneruskan langkah kita, kita memerlukan pembiayaan sewajarnya bagi menyebarkan maklumat saintifik. Dengan lebih daripada 30 penerbitan saintifik sepanjang 2010, Akademi telah mencapai lebih daripada Indikator Prestasi Kerja RMK9. Seterusnya, 12 penerbitan

President's Report

Much time and resources are expended into organizing these events and the ultimate desired results of disseminating information will only come to fruition if the lectures are well attended, and well publicized by the Academy and the co-organizers. Most importantly, these lectures must be documented and published in monographs and current awareness documents, or even posted on the various websites for open access. It is vital for the Academy to be 'seen' as a global disseminator of information, and contributing towards the growth of knowledge and science.

We can often judge an institution by its products; publications of the Academy are such shining attestation. It is gratifying to note that the Academy has achieved an elaborate programme of scientific publications. This is indeed reflective of our functions, and permeates our objectives, aims and mission. It is the end product of our activities and records the achievements of the Academy. RMK9 funding was the backbone of ASM's scientific publications programme, and to continue our course we need the required funding to disseminate scientific information. With more than 30 scientific publications for 2010, the Academy has achieved more than the RMK9 Key Performance Indicator. A further 12 issues of the publication of *estidotmy*, a



Biografi pertama Felo. | *The first Biographies of Fellows.*

Laporan Presiden

estidotmy, siri majalah sains popular di kalangan pelajar dan guru, juga telah dicapai. Buat pertama kalinya, sebuah biografi dan dua buah autobiografi telah diterbitkan bagi merakamkan pencapaian dan sumbangan saintifik Felo Kanan Akademi. Dalam tujuan kita mempromosikan inovasi melalui penerbitan saintifik, Felo dan ASM *Asssociates* Akademi dapat memainkan peranan yang lebih penting dan digalakkan untuk memberikan sumbangan.

Ke arah menyemai budaya persoalan sains pada golongan muda dan merangsang minat dan kerjaya dalam bidang sains, antara projek berterusan Akademi adalah *National Science Challange* dan Program Kembali ke Sekolah ASM. *National Science Challange* 2010 yang ke-23 menyaksikan penyerta-an 1750 pasukan sekolah dari 16 negeri. Daripada empat penyertaan peringkat akhir (SMJK Perempuan China Pulau Pinang, SMK Convent Perak, SMJK Katolik Selangor dan SMK St Francis Melaka), cabaran berkenaan dimenangi oleh para pelajar SMJK Perempuan China Pulau Pinang, yang menerima Piala Cabaran Perdana Menteri serta layak menyertai lawatan sambil belajar ke Stockholm, Sweden di mana mereka menyaksikan Majlis Penganugerahan Hadiah Nobel. Mereka juga turut melawat Ericsson, dan menghadiri syarahan serta acara lain yang dianjurkan sempena Majlis berkenaan.

Dalam program Kembali ke Sekolah, lebih 5501 pelajar yang disertai guru mereka menghadiri 20 syarahan anjuran Akademi. Matlamatnya ialah merangsang minat dalam bidang sains di kalangan pelajar yang juga bakal mempelajari dan menuruti jejak langkah kerjaya STI yang berjaya oleh para saintis terkemuka yang menjadi Felo dan ASM *Associates*. Buat pertama kalinya, sejumlah 18 orang Felo Akademi turut sama memberikan sumbangan bagi tujuan kerjaya berkaitan sains serta menyemai budaya kecemerlangan saintifik.

Hubungan kerjasama dan usaha sama antarabangsa adalah penting bagi Akademi untuk mewujudkan jaringan usaha sama yang kukuh dengan pertubuhan sains antarabangsa dan akademi lain. Jaringan kerjasama ini telah meningkatkan peluang perkongsian pengetahuan, kepakaran, dan juga kemampuan saintifik dan teknologi agar negara dapat mengekalkan daya saing dalam konteks kemajuan sains dan teknologi global. ASM telah diwakili dalam beberapa mesyuarat antarabangsa dan Akademi juga telah diberikan peluang untuk turut menyertai banyak projek yang berkaitan.

President's Report

popular science magazine of students and teachers were also achieved. For the first time, a biography and two autobiographies were published to record the scientific achievements and contributions of our Senior Fellows of the Academy. In our desire to promote innovation through scientific publications, the Fellows and Associates of the Academy can play a greater role and are encouraged to contribute.

Towards inculcating a culture of scientific inquiry among the young and stimulating interest and career in science, the Academy's ongoing projects are the National Science Challenge and the ASM Back to School Programmes. The 23rd National Science Challenge 2010 saw the participation of 1750 school teams from 16 states. Of the four finalists (SMJK Perempuan China Pulau Pinang, SMK Convent Perak, SMJK Katholik Selangor and SMK St Francis Melaka), the Challenge was won by students from SMJK Perempuan China Pulau Pinang, who received the Prime Minister's Challenge Trophy and qualified for the study visit to Stockholm, Sweden where they witnessed the Nobel Prize Ceremony. They also visited Ericsson, attended lectures and other events organized in conjunction with the Ceremony.

In the Back to School programme, more than 5501 students including teachers attended the 20 lectures organized by the Academy. The aim is to incite interest in science among students who will also learn and emulate the successful STI career-paths of eminent scientists who are Fellows and Associates of the Academy. For the first time, a record number of 18 Fellows of the Academy contributed to the cause of science related to careers and nurturing a culture of scientific excellence.

International linkages and collaboration are vital to the Academy to establish strong networks with international science organizations and sister academies. These networks have increased opportunities for sharing of knowledge, expertise, as well as scientific and technological capabilities in order for the nation to remain competent in the context of global science and technological advancement. ASM was well represented in several international meetings and the Academy has been given the opportunity to participate in many projects.

Laporan Presiden

Program Penyelidikan Antartika Malaysia (MARP) terus menyambung projek penyelidikan berkenaan dan meningkatkan kemampuan sumber manusianya, serta menempa laluan dalam membawa tahap penyelidikan Malaysia ke peringkat dunia di samping menggalakkan kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi meningkatkan kemampuan dan keupayaan saintifik negara. Sokongan daripada pelbagai Kementerian dalam kerajaan adalah amat penting bagi MARP untuk mengekalkan momentum dalam menjamin kedudukan Malaysia di kalangan komuniti saintifik antarabangsa dan juga Sistem Perjanjian Antartika (ATS). Dr Peter Convey dari Tinjauan Antartika Britain (UK), menyertai MARP selaku profesor pelawat dan peserta usaha sama dalam penyelidikan sains biologi Antartika. Satu analisis kos-manfaat penyertaan dalam ATS dilakukan untuk dihantar kepada MOSTI bagi menyokong usaha MARP memohon agar Kerajaan Malaysia menyertai ATS. Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor F.A.Sc. menyertai YB Menteri MOSTI ke Canberra dari 3 – 7 Ogos bagi mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa Australia mengenai hal berkaitan Antartika dan manfaat dalam keanggotaan ATS. MARP juga turut memberikan input kepada MOSTI mengenai manfaat menyertai ATS kepada Menteri berhubung pendirian MOSTI tentang penyertaan Malaysia dalam ATS.

ASM diwakili oleh Prof Datuk Ir. Zaidee Laidin F.A.Sc., selaku Ahli ExCo Panel Antara Akademi

President's Report

The Malaysian Antarctica Research Programme (MARP) continued with its research projects and increased its capacity in the area of human resource and forged the way to bring Malaysia's research to a world-class level as well as promote national and international co-operation to increase the nation's scientific capability and capacity. The support of various Ministries in the government is vital in order for MARP to maintain its momentum to secure Malaysia's place in the international scientific community as well as the Antarctic Treaty System (ATS). Dr Peter Convey from the British Antarctic Survey (UK), was attached to MARP as a visiting professor and collaborator in biological sciences research on Antarctic. A cost-benefit analysis on joining the ATS was conducted for submission to MOSTI in support of the MARP effort to request the Malaysian Government to be a signatory to the ATS. Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor F.A.Sc. accompanied the Hon. Minister of MOSTI to Canberra from 3 – 7 August to discuss with Australian authorities on matters concerning Antarctica and advantage of becoming a member of ATS. MARP also provided input to MOSTI on the benefits of joining ATS for the Minister regarding MOSTI's stand on Malaysian accession into ATS.

ASM was represented by Prof Datuk Ir. Zaidee Laidin F.A.Sc., as the InterAcademy Panel (IAP) ExCo



Ekspedisi Saintifik Ngarai Imbak: Pendokumentasian katak di tapak ekspedisi. | *Imbak Canyon Scientific Expedition: Documenting a frog at the expedition site.*



Mengumpul sampel di Antartika.
Collecting samples in Antarctica.

Laporan Presiden

(IAP), di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif IAP di Amsterdam dan Santiago, masing-masingnya pada bulan Mac dan November. Mesyuarat Saintifik IAMP dan Perhimpunan Agung ke-3 telah dianjurkan di Kuala Lumpur (9 – 11 Jun) dengan kerjasama MOSTI, Kementerian Kesihatan, Akademi Perubatan dan Kolej Patologi. Mesyuarat berkenaan mendaftarkan 210 peserta dari 33 negara, termasuk negara anggota IAMP.

Kursus Latihan Pengurusan Sains dan Teknologi bagi Penyelidik dari Negara OIC sekali lagi diadakan di Kuala Lumpur pada 4 – 16 Julai. Sejumlah 23 peserta menghadiri kursus tersebut dan 35 penyelidik serta pakar terkemuka dalam S&T dan subjek yang berkaitan, juga Felo, berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dengan para peserta. *Sidang Kemuncak Kesihatan Sedunia ke-2* telah diadakan pada 10 – 13 Oktober di Charite, Berlin. Ia dianjurkan oleh Perikatan M8 yang merupakan jaringan institusi perubatan serata dunia dan dihadiri oleh 1200 peserta dari 70 negara. Academician Prof Looi Lai Meng F.A.Sc. mewakili IAMP/ASM di Mesyuarat Perikatan M8. Sidang kemuncak tersebut membangkitkan isu kesihatan global daripada segi kerjasama dan perkongsian di antara institusi akademik dan industri, juga pembiayaan bagi tindakan global.

Prof Duane telah membincangkan kepentingan pembangunan semula infrastruktur kesihatan awam yang diperlukan bagi mencegah, mengesan dan mengawal wabak penyakit berjangkit pada peringkat permulaan. Syarahan tersebut dipengerusikan oleh Prof Emeritus Dato' C.P. Ramachandran F.A.Sc. Seramai 70 peserta telah menghadiri syarahan berkenaan termasuklah Felo ASM, penyelidik, ahli fakulti perubatan, media dan pihak ber-kepentingan daripada kalangan sektor swasta dan orang ramai.

Science Excellence

- Dr Amin Malik Shah Abdul Malik Majid of Universiti Sains Malaysia for research related to in vivo *Chemotherapeutic Potentials of Standardized Ethanolic Extract of* Orthosiphon stamineus *Leaves Against Colorectal Carcinoma*;
- Dr Wong Yoon Sim from Monash University for a project entitled *Development of Peptide Nanosystems with Intrinsic Immunotherapeutic Activity*; and
- Associate Prof Cheah Yoke Kqueen of Universiti Putra Malaysia for a study on *Profiling of CD Antigens on Head and Neck Cancers for the Development of Diagnostic Biomarkers*.

Dr Ranjeet Bhagwan Singh Medical Research Trust Fund

The Dr Ranjeet Bhagwan Singh Medical Research Trust Fund is dedicated to promote research especially in the area of bio-medical sciences. For the year, the Academy organised two programmes under the trust fund.

Prof Duane J. Gubler is the Director of Signature Research Program at the Emerging Infectious Diseases Duke-NUS Graduate Medical School, Singapore where he also serves as the Director of the Asia-Pacific Institute for Tropical Medicine and Infectious Diseases at John A Burns School of Medicine, University of Hawaii. He delivered the 12th Dr Ranjeet Bhagwan Singh Memorial Lecture entitled *The Global Threat of Epidemic Emergent/ Re-Emergent Infectious Disease: Lessons Learned and Prospects for the Future* on 9 August 2010 at the Academy of Medicine of Malaysia.

Prof Duane discussed the importance of rebuilding the public health infrastructure which is needed to prevent, detect, and control epidemic infectious diseases at the point of origin. The lecture was chaired by Prof Emeritus Dato' C.P. Ramachandran F.A.Sc. About 70 participants attended the lecture including ASM fellows, researchers, members of medical faculties, media and relevant stakeholders from public and private sectors.



Prof Duane J. Gubler menyampaikan syarahan beliau di Syarahan Memorial Ranjeet Bhagwan Singh.
Prof Duane J. Gubler delivering his lecture at the Ranjeet Bhagwan Singh Memorial Lecture.

Akademi juga telah memilih dua penerima bagi Fellowship Antarabangsa Dr Ranjeet Bhagwan Singh. Pemilihan calon adalah menerusi tapisan pemilihan yang ketat dan Fellowship berkenaan adalah bagi menyokong penyelidik Malaysia yang menjalankan sangkutan jangka pendek di pusat kecemerlangan. Untuk tahun ini, dua penyelidik yang telah ditawarkan Fellowship Antarabangsa adalah:

(i) **Dr Khoo Boon Yin** (Universiti Sains Malaysia): Beliau akan ditempatkan di Bahagian Onkologi dan Hematologi, Universiti Perubatan, Charité Campus Mitte, Berlin, Jerman, di mana beliau akan memeriksa kesan daripada kombinasi pioglitazon dan rosiglitazon pada sel stem mesen kimal yang diperoleh daripada sumsum tulang dan interaksi sel kanser payudara; dan

(ii) **Dr Hoh Boon Peng** (UiTM, Kampus Sg Buloh): Beliau akan berada di Pusat Genomik Terapan Toronto, Hospital Pesakit Kanak-Kanak, Universiti Toronto, Kanada bagi menjalankan kajian terhadap analisis variasi salinan angka dalam kerentanan genetik penyakit kompleks.

Lawatan Prof Albert De Roeck: Kerjasama Penyelidikan Bersama CERN

Prof Albert De Roeck mengunjungi Malaysia pada 28 – 30 April bagi membincangkan kemungkinan kerjasama di antara saintis Malaysia dan Pertubuhan Penyelidikan Nuklear Eropah (CERN).

This year, two researchers was awarded the Dr Ranjeet Bhagwan Singh International Fellowship. The Academy selects the recipients through a stringent vetting exercise and the Fellowship is to support Malaysian researchers conducting short-term attachment at a centre of excellence. The two researchers awarded the International Fellowship are:

(i) **Dr Khoo Boon Yin** (Universiti Sains Malaysia): He will be attached to the Division of Oncology dan Hematology, University Medicine, Charité Campus Mitte, Berlin, Germany, where he will examine the effect of a combination of pioglitazone and rosiglitazone on bone marrow-derived mesenchymal stem cells and breast cancer cell interaction; and

(ii) **Dr Hoh Boon Peng** (UiTM, Sg Buloh Campus): He will be at the Toronto Centre for Applied Genomics, Hospital for Sick Children, University of Toronto, Canada conducting research on analysis of copy number variation of genetic susceptibility of complex diseases.

Visit By Prof Albert De Roeck: Research Collaboration With CERN

Prof Albert De Roeck visited Malaysia from 28 – 30 April to discuss possible collaboration between Malaysian scientists and the European Organization for Nuclear Research (CERN).



Hadirin di tempat syarahan diadakan.
Audience at the lecture.

Beliau menyampaikan syarahan di Universiti Malaya (UM) bertajuk *CERN and its Particle Physics Programme* pada 29 April dan membentangkan program fizik partikel CERN, kemudahan dan pelbagai mod kerjasama dan latihan yang disediakan kepada masyarakat antarabangsa.

Dalam perbincangan mengenai kemungkinan usaha sama dengan CERN yang telah diadakan di UM dan Agensi Nuklear Malaysia (MNA), telah dicadangkan sebulat suara supaya ASM bertindak selaku badan penaung bagi mempermudah usaha sama dengan CERN untuk saintis Malaysia. Pertemuan dengan MNA telah diadakan pada 30 April bagi membincangkan kerjasama dengan CERN.

ASM menganjurkan beberapa program berkaitan, contohnya perjumpaan dengan pihak berkepentingan yang berminat pada 26 Ogos di ASM dan satu bengkel pada 4 Oktober di MNA bagi mendapatkan maklum balas dan membincangkan bidang yang relevan untuk kerjasama penyelidikan, dan juga merumuskan cadangan penyelidikan usaha sama dalam bidang pengesanan (bahan dan imej), elektronik dan kejuruteraan, pemprosesan data teoretikal dan infrastruktur pengkomputeran grid.

Persidangan Antarabangsa Akademi Sains Malaysia 2010: 2 – 3 Jun

Menyedari keperluan perubahan ke arah ekonomi yang berteraskan inovasi, ASM menganjurkan Persidangan Antarabangsa Akademi Sains Malaysia (ASMIC) 2010 bertema *Wealth Creation through Science, Technology and Innovation (STI)—Creating the Environment for Technology Based Innovation.*



Prof Albert de Roeck menyampaikan syarahan di UM.
Prof Albert de Roeck lecturing at UM.

He gave a lecture at University of Malaya (UM) on 29 April entitled *CERN and its Particle Physics Programme* and presented the CERN particle physics programme, facilities and various modes of collaboration and the training made available to international communities.

At the discussion on the possible collaboration with CERN, both at UM and Malaysian Nuclear Agency (MNA), it was unanimously proposed that ASM act as an umbrella body to facilitate collaboration with CERN for Malaysian scientists. A meeting with MNA was held on 30 April to discuss collaboration with CERN.

ASM organized several related programmes such as a meeting with interested stakeholders on 26 August in ASM and a workshop on 4 October at the MNA in order to get feedback and discuss relevant areas for research collaboration as well as to formulate collaborative research proposals in the areas of detectors (material and imaging), electronics and engineering, theoretical data processing and grid computing infrastructure.

Academy of Sciences Malaysia International Conference 2010: 2 – 3 June

Recognizing the need for a transformation to an innovation-led economy, ASM organized the Academy of Sciences Malaysia International Conference (ASMIC) 2010 with the theme *Wealth Creation through Science, Technology and Innovation (STI)—Creating the Environment for Technology Based Innovation.*



Prof Yong Taek-Im di ASMIC 2010. | *Prof Yong Taek-Im at ASMIC 2010.*



Peserta di ASMIC 2010. | *Participants at ASMIC 2010.*

Persidangan tersebut merupakan platform yang baik bagi perbincangan dan maklum balas untuk meningkatkan peranan STI dalam Model Ekonomi Baru (NEM). ASMIC telah menarik lebih 300 peserta, mewakili para pembuat dasar, ahli akademik, penyelidik, dan ahli kanan dalam komuniti saintifik.

Ucaptama dan 12 kertas plenot elah disampaikan dan YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad menyampaikan Ucaptama bertajuk *Building an Innovative Nation.* ASMIC 2010 telah berjaya dianjurkan dan input daripada Persidangan ini bakal dijadikan asas bagi kertas kerja ASM untuk disampaikan kepada MOSTI dalam meningkatkan peranan STI dalam NEM.

Mesyuarat Pemenang Hadiah Nobel dan Saintis Muda ke-60 di Lindau, Jerman

Mesyuarat Nobel Laureate yang merupakan mesyuarat di antara disiplin yang merangkumi bidang kimia, fizik dan fisiologi/perubatan, telah diadakan pada 27 Jun – 2 Julai. Lebih 650 saintis muda dari 70 negara dan 61 Nobel Laureate menyertai Mesyuarat tersebut. Perbualan saintifik dan perbincangan dalam pelbagai tema dan mesyuarat peribadi menjadi asas kepada Mesyuarat berkenaan.

Ketua Delegasi berkenaan adalah Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor F.A.Sc., Setiausaha Agung ASM. Lima saintis muda yang dipilih mewakili Malaysia adalah Dr Abhimanyu Veerakumarasivam, Dr Normi Mohd Yahaya, Dr Chen Jer Ming, Cik Oh Pei Ching dan Cik Siti Najihah Abu Bakar.

The Conference provided a good platform for deliberation and feedback on enhancing the role of STI in the New Economic Model (NEM). ASMIC attracted over 300 participants, representing policy makers, academics, researchers, and senior members of the scientific community.

A keynote address together with 12 plenary papers was delivered and YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad presented a Keynote Address entitled *Building an Innovative Nation*. The ASMIC 2010 was successfully organized and the input from this Conference will be the basis of a paper by ASM for presentation to MOSTI on enhancing the role of STI in the NEM.

60th Meeting of Nobel Prize Winners with Young Scientists in Lindau, Germany

The Meeting of Nobel Laureates, which was an inter-disciplinary meeting dedicated to chemistry, physics and physiology/medicine was held from 27 June – 2 July 2010. More than 650 young scientists from 70 countries and 61 Nobel Laureates participated in the Meeting. Scientific talks and discussions on a wide range of themes and personal meetings made up the core of the Meeting.

The Leader of the Delegation was Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor F.A.Sc., Secretary General of ASM. The five young scientists selected to represent Malaysia were Dr Abhimanyu Veerakumarasivam, Dr Normi Mohd Yahaya, Dr Chen Jer Ming, Ms Oh Pei Ching and Ms Siti Najihah Abu Bakar.



Nobel Laureate Prof Roger Y. Tsein bersama wakil Malaysia.
Nobel Laureate Prof Roger Y. Tsein captivating Malaysian delegates.



Nobel Lauereate dan saintis muda di Mesyuarat.
Nobel Laureates and young scientists at a Meeting.

Sepanjang mesyuarat tersebut, 56 syarahan pleno oleh Nobel Laureate, tiga panel perbincangan dan tujuh sesi saintifik telah diadakan. Topik panel perbincangan yang pertama adalah *Impact of Chemistry and Physics to Biomedicine. Where is the Future?,* panel perbincangan kedua bertajuk *On Being a Scientist between Nobel Laureates* dan panel perbincangan ketiga pula mengenai *Energy and Sustainability.*

Kunjungan ke Pusat Kecemerlangan oleh Delegasi Malaysia ke Lindau

Sebagai sambungan Mesyuarat di Lindau 2010, delegasi berkenaan turut menyertai Forum Terbuka

Throughout the meeting, there were 56 plenary lectures by the Nobel Laureates, three panel discussions and seven scientific sessions. The topic for the first panel discussion was *Impact of Chemistry and Physics to Biomedicine. Where is the Future?*, the second panel discussion was entitled *On Being a Scientist between Nobel Laureates* and the third panel discussion was on *Energy and Sustainability*.

Visit to Centres of Excellence by the Malaysian Delegation to Lindau

As an extension to the 2010 Lindau Meeting, the delegation participated in the European Science

Kecemerlangan Sains

Sains Eropah di Torino, Italy pada 3 – 4 Julai. Ini diikuti dengan lawatan sambil belajar (4 – 10 Julai 2010) ke pusat kecemerlangan penyelidikan saintifik di Austria dan Sweden.



Muzium Nobel di Stockholm. | *Nobel Museum in Stockholm.*

Antara institusi yang dikunjungi di Austria dan Sweden termasuklah Pejabat Angkasa Lepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Akademi Sains Austria, Universiti Teknologi Vienna, Institut Bioteknologi Molekular, Kesatuan Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan Antarabangsa di Vienna dan Institut Karolinska, Muzium Nobel di Stockholm dan Universiti Lund di Sweden.

Seminar Ekspedisi Saintifik Gunung Benom

Selepas Ekspedisi Saintifik Gunung Benom (9 – 17 November 2009), satu seminar pasca ekspedisi saintifik melibatkan para saintis yang menyertai ekspedisi terbabit dan pihak berkepentingan telah

Science Excellence

Open Forum in Torino, Italy from 3 – 4 July 2010. This was followed by a study visit (4 – 10 July 2010) to centres of excellence in scientific research in Austria and Sweden.



Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu untuk Urusan Luar Angkasa.
UN Office for Outer Space Affairs.



Akademi Sains Austria. | *Austrian Academy of Sciences.*

The institutions that were visited in Austria and Sweden included the United Nations Office for Outer Space, Austrian Academy of Science, Vienna University of Technology, the Institute of Molecular Biotechnology, International Union of Forest Research Organization in Vienna and Karolinska Institute, Nobel Museum in Stockholm and Lund University in Sweden.

Seminar on Gunung Benom Scientific Expedition

After the Gunung Benom Scientific Expedition (9 – 17 November 2009), a post-scientific expedition seminar involving scientists who had participated in the expedition and relevant stakeholders was held

diadakan (15 – 16 Jun 2010). Ia dianjurkan bersama oleh ASM dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Tiga puluh kertas kerja telah dibentangkan dalam Seminar berkenaan daripada kepelbagaian flora dan fauna, air dan kehidupan akuatik, dan eko-pelancongan, komuniti setempat serta kepelbagaian fizikal dan geologi di Gunung Benom dan Rizab Hidupan Liar Krau, Pahang. Kumpulan Air dan Kehidupan Akuatik mendapati bahawa kualiti air di kawasan ekspedisi adalah dalam Kelas 1, mempunyai kadar oksigen terlarut yang tinggi, tahap kekeruhan rendah dan amat sesuai diminum. Kumpulan Fizikal dan Geologi terbabit menyarankan bahawa laluan di tapak ekspedisi berkenaan berpotensi dijadikan sebagai kawasan rekreasi dan juga sebagai tapak ekopelancongan dan geopelancongan.

Kumpulan Komuniti Setempat mendapati berlakunya penurunan sumber perhutanan akibat pertanian agresif dan pemburuan yang tidak terkawal. Kumpulan Ekopelancongan pula mendapati bahawa Rizab Hidupan Liar Krau mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi dan ini mendapat perhatian para penyelidik dari seluruh dunia, terutama Kuala Gandah, Kuala Lompat dan Bukit Rengit. Kumpulan Kepelbagaian Flora mencatat spesies baru *Trichosanthes emarginata* di bawah keluarga Cucurbitaceae.

Penemuan paling ditunggu-tunggu yang dipersembahkan dalam Seminar berkenaan adalah catatan mengenai cacing tanah yang dikenal pasti sebagai *Pheretima sp.* berdiameter 23 mm dan panjang 860 mm. Cacing tanah raksasa tersebut adalah dari keluarga Megascolecidae. Kumpulan Kepelbagaian Fauna tersebut juga mencatatkan dua jenis katak spesies baru yang dikenal pasti buat pertama kali di Rizab Hidupan Liar Krau sebagai *Hylarana siberu* dan *Theloferma licin.* Rizab Hidupan Liar Krau dan Gunung Benom mempunyai kepelbagaian kelawar pemakan serangga yang tertinggi di dunia.

Dalam perbincangan panel, isu kepentingan melindungi kepelbagaian harimau di Gunung Benom dan Rizab Hidupan Liar Krau turut dibincangkan.

Ekspedisi Saintifik Ngarai Imbak

Akademi dengan kerjasama Yayasan Sabah menganjurkan satu ekspedisi saintifik selama 10 hari (26 November – 5 Disember) ke sebuah lagi kawasan pemuliharaan yang belum diterokai di Ngarai Imbak, Tongod, Sabah. Lebih 100 penyelidik

(15 – 16 June 2010). It was jointly organised by the ASM and the Department of Wildlife and National Park (PERHILITAN).

Thirty papers were presented at the Seminar ranging from flora and fauna diversity, water and aquatic life diversity and eco-tourism, local community, and physical and geological diversity in Gunung Benom and the Krau Wildlife Reserves, Pahang. The Water and Aquatic Life Diversity Team found that the water quality at the expedition area was Class 1, had high dissolved oxygen, low turbidity and was also excellent for drinking. The Physical and Geology Team suggested that the trail at the expedition site had potential for a recreational, eco-tourism and geo-tourism site.

The Local Community Team found out that there was reduction of forest resources due to aggressive agriculture and over-hunting. The Eco-Tourism Team found that the Krau Wildlife Reserves had high biodiversity values and received attention from researchers all over the world, especially Kuala Gandah, Kuala Lompat and Bukit Rengit. The Flora Diversity Team recorded a new species of *Trichosanthes emarginata* under the family of Cucurbitaceae.

The most anticipated findings which were presented during the Seminar were the records of earth worms identified as the *Pheretima sp*. with a diameter size of 23 mm and length of 860 mm. The giant earth worms belonged to the Megascolecidae Family. The Fauna Diversity Team also recorded two new species of frogs which were characterized for the first time at Krau Wildlife Reserves as *Hylarana siberu* and *Theloferma licin*. The Krau Wildlife Reserves and Gunung Benom have the highest diversity of insectivorous bats in the world.

During the panel discussion, the importance of protecting the diversity of tigers in Gunung Benom and Krau Wildlife Reserves was also discussed.

Imbak Canyon Scientific Expedition

The Academy jointly with Yayasan Sabah organised a 10-day (26 November – 5 December) scientific expedition to yet another pristine conservation area at Imbak Canyon, Tongod, Sabah. More than 100

dari pelbagai institusi tempatan turut serta dalam ekspedisi berkenaan.

Satu MoU bagi penyelidikan hutan hujan, ekspedisi saintifik dan program latihan antara ASM dan Yayasan Sabah telah ditandatangani. Sempena dengan majlis menandatangani MoU ini, penerbitan bertajuk *Maliau Basin: Physical Environment and Biological Diversity of the Northern Rim* telah dilancarkan dan kemudiannya, ekspedisi berkenaan dilancarkan oleh YB Datuk Masidi Manjun, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Persekitaran, Sabah.

Ekspedisi berkenaan dibahagikan kepada beberapa kumpulan berkaitan fisiologi, landskap dan geologi, air dan kehidupan akuatik, kepelbagaian flora, fauna, ekopelancongan dan komuniti setempat. Peserta memerhati dan mengumpulkan pelbagai jenis flora dan fauna. Banyak penemuan baru dihasilkan dan seminar pasca ekspedisi akan dianjurkan pada bulan Februari 2011.

researchers from various local institutions took part in the expedition.

A MoU for rainforest research, scientific expeditions and training programme between ASM and Yayasan Sabah was signed. In-conjunction with the signing of this MoU, a publication entitled *Maliau Basin: Physical Environment and Biological Diversity of the Northern Rim* was launched and then the expedition was flagged off by YB Datuk Masidi Manjun, Minister of Tourism, Culture and Environment, Sabah.

The expedition was divided into different teams to deal with physiology, landscape and geology, water and aquatic life, floral diversity, fauna, eco-tourism and the local community. The participants observed and collected all forms of flora and fauna. Many new discoveries were made and a post-expedition seminar will be organised in February 2011.



Pengenalpastian kelawar oleh penyelidik.
Identification of bats by a researcher.



Menganalisis spesimen ikan.
Dissecting the fish specimens.

Tapak perkhemahan ekspedisi tersebut dengan rasminya diumumkan sebagai Stesen Penyelidikan Gunung Kuli oleh Prof Emeritus Dato' Abdul Latiff Mohamad F.A.Sc. dan Dr Waidi Sinun dari Yayasan Sabah. Laporan awal menunjukkan sejumlah 31 spesies pepatung, 27 spesies ikan air tawar, koleksi lumut, paku-pakis dan tanaman tanah tinggi, dan juga koleksi kumbang, burung dan pelbagai mamalia kecil ditemui. Aspek geologi Ngarai Imbak telah dipetakan dan kualiti air di sana dikategorikan sebagai Kelas 1.

The base camp for the expedition was officially redesignated as the Gunung Kuli Research Station by Prof Emeritus Dato' Abdul Latiff Mohamad F.A.Sc. and Dr Waidi Sinun of Yayasan Sabah. Initial reports revealed a total of 31 species of dragonflies, 27 species of freshwater fish, collections of mosses, ferns and higher plants, and also collections of beetles, birds and various small mammals. The geological aspects of Imbak Canyon were mapped and the water quality was categorised as Class 1.

Sains dan Masyarakat
Science and Society



Lighted

by MICHELLE FOO XIAO-LIN
Finalist, ASM Photo Contest

Sains dan Masyarakat

Memandangkan masa depan negara bergantung kepada generasi muda hari ini, adalah amat penting untuk memastikan pengasuhan mereka sejak kecil bermula dengan asas sains dan teknologi dan adalah menjadi tanggungjawab bersama bagi melengkapkan mereka dengan kebolehan untuk menghadapi cabaran masa depan dan mencapai kejayaan sebagai pemimpin hari esok. Oleh yang demikian, Akademi meneruskan usahanya untuk menggalakkan kesedaran negara, pemahaman dan penghargaan akan peranan sains, kejuruteraan dan teknologi dalam kemajuan manusia.

Science and Society

As the future of our nation lies with today's young generation, it is essential to nurture them from the beginning on a right foundation in science and technology and equip them to meet the challenges that are ahead and thrive as the leaders of tomorrow. Thus the Academy continues to promote national awareness, understanding and appreciation of the role of science, engineering and technology in human progress.

Sains dan Masyarakat
Science and Society

Siri Syarahan ASM

Siri Syarahan ASM adalah sebahagian daripada usaha Akademi dalam mendidik masyarakat mengenai kepentingan sains dan teknologi dan menyediakan platform bagi komuniti saintifik untuk bertukar idea. Bagi tahun ini, Akademi telah menganjurkan siri syarahan yang berikut.

Syarahan Tokoh Terkemuka ASM

Syarahan yang dianjurkan oleh Akademi bertujuan bagi menyediakan platform untuk perbincangan peringkat tinggi bersama pakar. Tiga syarahan telah diadakan sepanjang tahun berkenaan.

Prof R.K. Pachauri, Pengerusi Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC), menyampaikan syarahan bertajuk *Copenhagen and Beyond* pada 6 Januari di UNITEN. Syarahan tersebut menerima penyertaan besar berjumlah 400 orang dan di penghujung syarahan, Prof Pachauri menggesa para hadirin supaya mengurangkan kadar pelepasan karbon dioksida bagi mengurangkan kesannya pada perubahan iklim.

ASM Lecture Series

The ASM Lecture Series is part of an ongoing effort by the Academy to educate the public on science and to provide platforms for the scientific community to exchange ideas. For the year, the Academy organised the following series of lectures.

ASM Eminent Persons Lectures

These lectures are organized by the Academy aiming to provide platforms for high level discussion with experts and key resource persons. There were three lectures during the year.

Prof R.K. Pachauri, Chairman of the Inter-governmental Panel on Climate Change (IPCC), delivered a lecture entitled *Copenhagen and Beyond* on 6 January at UNITEN. The lecture received an overwhelming participation of 400 people and at the end of the lecture, Prof Pachauri urged the audience to reduce carbon dioxide emission to reduce its effects on climate change.



Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee F.A.Sc.

Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee F.A.Sc., dilantik sebagai Felo Kanan baru bagi tahun 2009, telah menyampaikan syarahan beliau bertema *Challenges to Tropical Biodiversity Conservation* pada 25 Februari. Beliau mengatakan bahawa pemuliharaan biodiversiti memberikan pelbagai cabaran yang memerlukan usaha sama para saintis, pembuat dasar dan juga seluruh anggota masyarakat. Beliau juga membincangkan

Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee F.A.Sc., the newly elected Senior Fellow 2009, delivered his lecture entitled *Challenges to Tropical Biodiversity Conservation* on 25 February. He stated that biodiversity conservation posed challenges that needed the collaboration of scientists, decision makers and the rest of the community. He also discussed the urgency for tropical regions especially

kepentingan mendesak bagi kawasan tropika terutamanya Malaysia, dalam mengukuhkan keperluan asas pemuliharaan biodiversiti daratan dan akuatik.

Prof Emeritus Bruce Alberts, ahli biokimia terkemuka dan Ketua Penyunting majalah *Science* dan juga Utusan Khas Sains Amerika Syarikat, memberikan syarahan mengenai *Science and the World's Future.* Beliau amat komited dalam meningkatkan pendidikan sains dan matematik, dan telah membincangkan perubahan cara pengajaran sains dan matematik. Dalam ucapannya, beliau memberikan penekanan dalam pembudayaan para pelajar dan juga berkongsi pengalamannya dalam penyelesaian masalah dengan mengambil kesempatan sifat ingin tahu kanak-kanak. Syarahan tersebut telah diadakan di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya pada 10 Disember.

Syarahan Perdana ASM

Syarahan Perdana bertema *Cassava and Sweetpotato—What the Tuber Fills....* disampaikan pada 9 Januari oleh **Dr Tan Swee Lian** F.A.Sc., Felo baru, dilantik pada 2008 di bawah Kumpulan Disiplin Sains Biologi, Pertanian dan Persekitaran. Dr Tan membincangkan kaedah penyelidikan holistik beliau terhadap ubi kayu dan keledek. Beliau juga menekankan bagaimana tanaman berkenaan bakal memainkan peranan baru yang penting dalam perindustrian—bukan setakat bagi kegunaan segar tetapi juga sebagai bahan mentah untuk diproses menjadi produk makanan, biobahan api, plastik biodegradasi dan makanan untuk ternakan.

Topik menarik mengenai *Biomass: The Green-gold* telah disampaikan oleh **Prof Lim Ong Koon** F.A.Sc., yang merupakan Felo ASM baru, dilantik pada 2009 di bawah Kumpulan Disiplin Sains Matematik dan Fizik. Syarahan berkenaan berlangsung di Dewan Seminar, Akademi Sains Malaysia pada 2 Februari. Penceramah tersebut telah membincangkan potensi sumber tenaga diperbaharui menerusi biojisim yang dipercayai banyak pihak mampu menangani isu persekitaran dan bekalan tenaga berterusan. Contoh pemanfaatan biojisim pada masa ini serta penukarannya dalam bentuk tenaga yang lebih sesuai bagi infrastruktur tenaga yang sedia ada dihuraikan secara ringkas.

Prof Fun Hoong-Kun F.A.Sc.**,** Felo ASM pada 2009 di bawah Kumpulan Disiplin Sains Matematik dan Fizik telah menyampaikan Syarahan Perdana

Malaysia to strengthen the basic needs for terrestrial and aquatic biodiversity conservation.

Prof Emeritus Bruce Alberts, a prominent biochemist and Editor-in-Chief of the *Science* magazine and a United States Science Envoy lectured on *Science and the World's Future*. He was strongly committed to the improvement of science and mathematics education and discussed about changing the way of teaching science and mathematics. In his talk, he emphasized on empowering the students as well as providing experiences on problem-solving which took advantage of the children's curiosity. The lecture was held at the Faculty of Engineering, University of Malaya on 10 December.

ASM Inaugural Lectures

The Inaugural Lecture entitled *Cassava and Sweetpotato—What the Tuber Fills....* was presented on 9 January by **Dr Tan Swee Lian** F.A.Sc., our new Fellow appointed in 2008 under the Biological, Agriculture and Environmental Sciences Discipline Group. Dr Tan discussed her holistic methods on cassava and sweetpotato research. She also emphasized how both crops would soon assume important new industrial roles—not only for fresh consumption but also as raw materials for processing into food products, biofuel, biodegradable plastics and animal feed.

An interesting topic *Biomass: The Green-gold* was delivered by **Prof Lim Koon Ong** F.A.Sc., a new ASM Fellow elected in 2009 under the Mathematical and Physical Sciences Discipline Group. The lecture took place in the Seminar Hall, Academy of Sciences Malaysia on 2 February. The lecturer discussed the potential of a renewable source of energy viz. biomass which was believed by many as being capable of addressing environmental and energy sustainability issues. The current state of biomass utilization as well as its conversion to energy forms that could better fit into the existing energy infrastructure was briefly outlined.

Prof Fun Hoong-Kun F.A.Sc., ASM Fellow in 2009 under the Mathematical and Physical Sciences Discipline Group presented his Inaugural Lecture entitled

Sains dan Masyarakat

beliau bertajuk *Single Crystal X-Ray Structural Determination: A Powerful Technique for Natural Products Research and Drug Discovery* pada 6 Februari. Syarahan tersebut adalah mengenai bagaimana penentuan struktur sinaran X tunggal digunakan sebagai teknik berkesan dalam penyelidikan produk semula jadi dan penemuan ubat-ubatan. Langkah yang paling penting dalam proses penemuan tersebut adalah mengenal pasti jenis sebatian dengan aktiviti biologi yang menarik.

Dr Wong Lai Yoong F.A.Sc., dilantik sebagai Felo pada 2007 di bawah Kumpulan Disiplin Sains Kimia, telah mempersembahkan syarahan perdananya pada 6 Mac. Ia bertema *Organometallics for All Seasons.* Dr Wong berkongsi kisah perjalanannya dalam penyelidikan bidang kimia mengenai pertemuan antara kimia radikal dan organologam yang terus membawakan hasil menerusi penemuan baru serta pelbagai kemungkinan yang tidak dijangka dalam struktur dan kereaktifan.

Science and Society

Single Crystal X-Ray Structural Determination: A Powerful Technique for Natural Products Research and Drug Discovery on 6 February. The lecture was about how single X-ray structure determination was used as a powerful technique for natural products research and drug discovery. The most important step in the discovery process was the identification of compounds with interesting biological activities.

Dr Wong Lai Yoong F.A.Sc., appointed as Fellow in 2007 under the Chemical Sciences Discipline Group presented her paper on 6 March. It was entitled *Organometallics for All Seasons.* Dr Wong shared her journey in chemistry at the interface of radical chemistry and organometallics which continues to reward with surprises of novel and diverse possibilities in structure and reactivity.



Tan Sri Dzulkifli menyampaikan syarahan beliau.
Tan Sri Dzulkifli delivering his lecture.

Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak F.A.Sc. telah menyampaikan Syarahan Perdana beliau yang bertajuk *Reinventing Science* pada 15 Mei. Beliau dilantik sebagai Felo ASM pada tahun 2008 di bawah Kumpulan Disiplin Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri. Beliau telah membincangkan evolusi sains dan perkembangan masa depan sains.

Dr Kamarudin Ab Malek F.A.Sc., Felo baru, dilantik pada 2010 di bawah Kumpulan Disiplin Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri, telah menyampaikan Syarahan Perdana beliau pada 24 Jun di Dewan Theatrette, Lembaga Getah Malaysia, Jalan Ampang. Beliau menyampaikan syarahan bertema *Natural Rubber Protects Structures from Earthquake* dan memaklumkan penonton mengenai penggunaan terkini bearing getah seismik di peringkat antarabangsa.

Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak F.A.Sc. presented his Inaugural Lecture entitled *Reinventing Science* on 15 May. He was appointed as ASM Fellow in 2008 under the Science and Technology Development and Industry Discipline Group. He discussed science evolution and future development.

Dr Kamarudin Ab Malek F.A.Sc., a newly appointed Fellow in 2010 under the Science and Technology Development and Industry Discipline Group, delivered his Inaugural Lecture on 24 June at the Theatrette Hall, Malaysian Rubber Board, Jalan Ampang. He lectured on *Natural Rubber Protects Structures from Earthquake* and informed the audience about the latest worldwide applications of seismic rubber bearings.

Sains dan Masyarakat

Science and Society

Prof Jafri Malin Abdullah F.A.Sc., dilantik sebagai Felo pada tahun 2009 di bawah Kumpulan Disiplin Perubatan dan Sains Kesihatan, telah menyampaikan syarahan mengenai *Decade of the Mind 2010 – 2020: How Malaysian Neuroscientists Must Create Knowledge, Skills and Innovative Research to the New Economic Model.* Prof Jafri memperkenalkan sains kajian saraf dengan matlamat meningkatkan pemahaman dalam kesenian, sains, sosialisme dan paradigma lain yang menjadi tanggungjawab otak dan minda, secara langsung atau tidak langsung.

Prof Jafri Malin Abdullah F.A.Sc., appointed Fellow in 2009 under the Medical and Health Sciences Discipline Group, lectured on *Decade of the Mind 2010 – 2020: How Malaysian Neuroscientists Must Create Knowledge, Skills and Innovative Research to the New Economic Model.* Prof Jafri introduced neuroscience with the objectives of improving the understanding of the arts, sciences, socialism and many other paradigms that our brain and mind was responsible for, directly and indirectly.



Prof Rosnah (kiri) semasa sesi soal jawab.
Prof Rosnah (left) during the Q and A session.

Prof Adeeba Kamarulzaman F.A.Sc., (Felo ASM, 2010) dalam syarahannya menyatakan keperluan mencegah jangkitan HIV di kalangan penagih dadah melalui pengembangan segera program penukaran jarum suntikan dan terapi penggantian opiat. Beliau juga mengetengahkan bagaimana pendekatan kesihatan awam berasaskan kepada bukti perakuan atas hak individu dan martabat adalah lebih diperlukan untuk berjaya berbanding dengan pendekatan yang menjenayahkan kelakuan berkenaan pa | da masa kini.

Prof Adeeba Kamarulzaman F.A.Sc. (ASM Fellow, 2010) in her lecture talked about the need for HIV prevention amongst drug users through rapid expansion of the needle exchange and opiate substitution therapy programme. She also highlighted on how the public health approach based on evidence rooted in the recognition of an individual's rights and dignity was more needed to succeed than the current approach of criminalizing this behaviour.

Prof Rosnah Mohd Zain F.A.Sc. (Felo ASM 2010, di bawah Kumpulan Disiplin Perubatan dan Sains Kesihatan) telah berkongsi dengan peserta, kisah usahanya secara kolektif bersama pasukannya bagi menyelesaikan masalah kanser mulut. Turut dinyatakan bahawa pendekatan perubatan beliau telah berjaya maju ke arah penyelidikan berimpak tinggi yang menjadikan penyelidik Malaysia setanding dengan piawai dunia.

Prof Rosnah Mohd Zain F.A.Sc. (ASM Fellow 2010, under the Medical and Health Sciences Discipline Group) shared with the audience, her efforts to work collectively with her team to solve the mouth cancer challenge. It was mentioned that her medical approach had successfully advanced towards high impact research which had brought Malaysian researchers at par with world standards.

Dr Heong Kong Luen F.A.Sc., (Felo, tahun 2009 di bawah Kumpulan Disiplin Sains Biologi, Pertanian dan Persekitaran) merupakan pakar ekologi serangga, biodiversiti dan Pengurusan Haiwan Perosak Bersepadu (IPM), dan pada masa ini merupakan seorang pakar IPM dan ekologi serangga di Institut Penyelidikan Padi Antarabangsa (IRRI), Filipina. Dalam syarahannya *Biodiversity Threats in Rice Ecosystems of Asia—New Challenges in Communicating to Farmers* yang diadakan pada 18 Disember, beliau telah membincangkan kepen-tingan memelihara biodiversiti ekosistem padi di kalangan masyarakat pesawah. Beliau juga berkongsi dengan hadirin, suatu pendekatan unik menerusi penggunaan saluran komunikasi bagi merangsang pesawah yang merupakan penjaga biodiversiti dan ekosistem yang penting untuk bertindak. Bagi mencapai hal ini, menurut beliau, paradigma baru dan pemikiran semula dalam pertanian mungkin diperlukan bagi abad ke-21.

Syarahan Awam

Syarahan oleh **Prof Leif Bertilsson,** dari Universiti Hospital Karolinska yang bertema *Pharmacogenetics Towards Personalized Medicine* telah disampaikan di Akademi pada 13 Januari. Syarahan yang dianjurkan dengan usaha sama MOSTI dan Universiti Teknologi MARA, membincangkan usaha beliau dalam bidang farmakogenetik dan juga hasil penyelidikan beliau menerusi kajiannya di Afrika. Prof Bertilsson mengetengahkan keperluan supaya terapi ubat-ubatan disesuaikan menurut profil genetik kita.

Prof Nigel Bell dari Kolej Imperial, London dan Pengerusi Lembaga Nasihat Antarabangsa Akreditasi Sedunia telah menyampaikan syarahan pada 12 April di Kolej Universiti SEGi. Syarahannya bertajuk *Green Technology Management and Environmental Education: Imperial College Experience* telah dihadiri oleh lebih 200 peserta.

Stem Cells in Regenerative Medicine adalah tajuk syarahan yang disampaikan oleh **Prof Madya Bing Lim,** Ketua Kanan Kumpulan, Institut Genom Singapura dan juga seorang Profesor Madya di Sekolah Perubatan Harvard, AS. Syarahan yang disasarkan kepada penyelidik sel stem dan juga penuntut ini diadakan pada 21 April di PPUKM, Cheras.

Prof John Pyle dari Universiti Cambridge, **Prof Phang Siew Moi** F.A.Sc. dari Universiti Malaya dan **Dr Glen**

Dr Heong Kong Luen F.A.Sc., (Fellow, 2009 under the Biological, Agricultural and Environmental Sciences Discipline Group) is an expert on insect ecology, biodiversity and Integrated Pest Management (IPM) and is currently the IPM specialist and insect ecologist in the International Rice Research Institute (IRRI), Philippines. At the lecture *Biodiversity Threats in Rice Ecosystems of Asia—New Challenges in Communicating to Farmers* held on 18 December, he discussed the importance of conserving the biodiversity of rice ecosystems amongst the rice farming communities. He also shared with the audience, a unique approach through the use of communication channels to motivate rice farmers who are the key custodians of biodiversity and ecosystem services to action. To achieve this, he said, might need new paradigms and the rethinking of agriculture for the 21st century.

Public Lectures

A lecture by **Prof Leif Bertilsson**, from Karolinska University Hospital entitled *Pharmacogenetics Towards Personalized Medicine* was delivered on 13 January at the Academy. The lecture organized in collaboration with MOSTI and Universiti Teknologi MARA, discussed his work on pharmacogenetics as well as the results found from his studies carried out in Africa. Prof Bertilsson highlighted the need for drug therapy tailored to our genetic profiles.

Prof Nigel Bell from Imperial College, London and Chairman of the International Advisory Board of Worldwide Accreditation delivered a lecture on 12 April at the SEGi University College. His lecture, *Green Technology Management & Environment Education: Imperial College Experience* was enthusiastically received by more than 200 participants.

Stem Cells in Regenerative Medicine was the title of the lecture presented by **Associate Prof Bing Lim**, a Senior Group Leader, Genome Institute of Singapore and an Associate Prof in Harvard Medical School, USA. The lecture targeted for researchers on stem cell and students was held on 21 April at the PPUKM, Cheras.

Prof John Pyle from University of Cambridge, **Prof Phang Siew Moi** F.A.Sc. from University of Malaya



Dr Nick Schofield.

Reynolds telah menyampaikan syarahan bertema *Global Climate Change: The Role of the Biosphere in Atmospheric Chemistry* di Pusat Sains Negara pada 16 Julai. Mereka membincangkan punca utama pemanasan global, Kesan Rumah Hijau dan peranan kita sebagai warga Bumi bagi memelihara aset kita yang tidak ternilai ini.

Syarahan bertajuk *What Does the Future Look Like?* disampaikan oleh **Dr Nick Schofield,** perunding eksekutif kanan dari Sinclair Knight Merz. Syarahan tersebut diadakan pada 28 Oktober. Beliau berbicara mengenai implikasi perubahan teknologi merentasi sempadan dan kemunculan '*perfect storm*' dalam krisis mega global. Dr Schofield menggariskan panduan penyelesaian secara menyeluruh bagi 'iklim dan tenaga'.

National Science Challenge

National Science Challenge telah mula dianjurkan sejak tahun 1983. Pada 25 Mac, peringkat kelayakan *National Science Challenge* 2010 ke-23 telah berjaya dianjurkan serentak di kesemua 16 negeri di Malaysia dengan sejumlah 1750 pasukan sekolah mengambil bahagian. Enam belas pasukan dipilih dengan setiap satunya daripada setiap negeri di pusingan separuh akhir yang berjaya diadakan pada 22 – 28 Jun di kampus Universiti Malaya di Kuala Lumpur.

Sejumlah 48 pelajar Tingkatan 4 dari 16 sekolah yang berbeza mewakili negeri mereka di pusingan separuh akhir pertandingan *National Science Challenge*. Pasukan yang layak ke pusingan akhir adalah:

- SMJK Perempuan China Pulau Pinang, Pulau Pinang

and **Dr Glen Reynolds** lectured on the theme *Global Climate Change: The Role of the Biosphere in Atmospheric Chemistry* at the National Science Centre on 16 July. They discussed on the main causes of global warming, the Green House Effect and our role as the Earth citizens to conserve our invaluable asset.

A lecture entitled *What Does the Future Look Like?* was presented by **Dr Nick Schofield**, a senior executive consultant from Sinclair Knight Merz. The lecture was held on 28 October. He talked about the implications of the unfolding transformative frontier technologies and the emerging 'perfect storm' of global mega crisis. Dr Schofield outlined the extensive solution sets for 'climate and energy'.

National Science Challenge

The National Science Challenge has been organised since 1983. On 25 March, the preliminary level of the 23rd National Science Challenge 2010 was successfully held simultaneously at all 16 states in Malaysia for a total of 1750 school teams. Sixteen teams were selected with one from each state for the semi-finals which were successfully held from 22 – 28 June at the University of Malaya campus in Kuala Lumpur.

A total number of 48 Form 4 students from 16 different schools represented their states in the semi-final round of the National Science Challenge competition. The teams that qualified for the final round were:

- SMJK Perempuan China Pulau Pinang, Pulau Pinang

- SMK Convent, Perak
- SMJK Katolik, Selangor; and
- SMK St Francis, Melaka.

- SMK Convent, Perak
- SMJK Katholik, Selangor; and
- SMK St Francis, Melaka.



Panel hakim pertandingan. | *Judges at the competition.*



Juara NSC 2010. | *Champions of NSC 2010.*



Pemenang NSC bersama penerima Hadiah Nobel.
NSC winners with a Nobel Prize recipient.

Pusingan akhir telah berjaya diadakan pada 2 November di Putrajaya dengan YBhg Dato' Madinah Mohamad, Setiausaha Agung MOSTI, turut hadir menyaksikan acara berkenaan. Cabaran berkenaan akhirnya dimenangi oleh pelajar SMJK Perempuan China Pulau Pinang yang menerima Piala Cabaran Perdana Menteri dan lawatan sambil belajar ke Stockholm, Sweden. Selain menyaksikan Upacara Anugerah Nobel, pelajar berkenaan mengunjungi Ericsson, dan menghadiri syarahan serta aktiviti lain yang diadakan sempena majlis berkenaan.

Program Kembali ke Sekolah ASM 2010

Sepanjang tahun ini, seramai 5501 pelajar dan guru telah menghadiri 20 program Kembali ke Sekolah

The final was successfully held on 2 November at Putrajaya with YBhg Dato' Madinah Mohamad, Secretary General of MOSTI, kindly gracing the event. The challenge was finally won by students from SMJK Perempuan China Pulau Pinang who received the Prime Minister's Challenge Trophy and a study visit to Stockholm, Sweden. Besides witnessing the Nobel Prize Ceremony, the students visited Ericsson, attended lectures and other events organized in conjunction with the ceremony.

2010 ASM Back to School Programme

During the year, more than 5501 students including teachers attended the 20 Back to School programme lectures organised by the Academy. This Programme

Sains dan Masyarakat

Science and Society



Prof Dato' Sheikh Omar Abdul Rahman F.A.Sc. dalam sesi dialog dengan pelajar SM Sains Selangor.
Prof Dato' Sheikh Omar Abdul Rahman F.A.Sc. in dialogue with students of SM Sains Selangor.

yang dianjurkan oleh Akademi. Program ini bertujuan menggalakkan minat sains di kalangan individu muda serta menjadikan para saintis, teknologis dan jurutera sebagai contoh dan teladan, yang merupakan Felo dan ASM *Associates*. Berikut adalah program yang telah dijalankan:

- **Dr. Ahmad Ibrahim** F.A.Sc. telah menyampaikan syarahan bertajuk *Science, Technology and Innovation in Sustaining Malaysia's Future,* di Karnival IRC 2010, Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak pada 24 Februari; dan di SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Bharu pada 21 Mac.

- **Prof Dato' Sheikh Omar Abdul Rahman** F.A.Sc. telah menyampaikan syarahan bertajuk *Learning Science is Exciting,* kepada 600 pelajar dan guru dan dengan melancarkan 'Minggu Sains dan Teknologi' di SM Sains Selangor Kuala Lumpur pada 5 Mac.

- **Prof Shahnor Basri** F.A.Sc. membicarakan tentang *Satellites Technology: The Colourful Earth* di alma mater beliau, SMK Sultan Abdul Samad, Klang pada 7 April.

- **Dr Wan Abdul Rahaman Yaacob Wan** F.A.Sc. telah membincangkan kepentingan bioteknologi di Malaysia dan peluang kerjaya dalam industri tersebut bersama pelajar di SMK Maxwell, Jalan Tun Ismail,

is aimed to incite interest in science in young individuals who would also learn and emulate the successful STI career-paths of eminent scientists who are Fellows and Associates of the Academy. The following lectures were implemented:

- **Dr Ahmad Ibrahim** F.A.Sc. gave a talk entitled *Science, Technology and Innovation in Sustaining Malaysia's Future,* at the IRC Carnival 2010, Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak on 24 February; and at SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Bharu on 21 March.

- **Prof Dato' Sheikh Omar Abdul Rahman** F.A.Sc. delivered a lecture entitled *Learning Science is Exciting,* to 600 students and teachers and officially launched the 'Minggu Sains dan Teknologi' at SM Sains Selangor Kuala Lumpur on 5 March.

- **Prof Shahnor Basri** F.A.Sc. spoke on *Satellites Technology: The Colourful Earth* at his alma mater, SMK Sultan Abdul Samad, Klang on 7 April.

Science is everywhere and scientists are in charge of all walks of life. The result of the social nature of science is the dissemination of scientific information and knowledge which is crucial for the well-being of society, the progress and advancement of a nation. The nature and range of the scientific publications of the Academy of Sciences Malaysia is the embodiment of the thrust areas, goals and strategies, and activities of the Academy. Cognizant of the transient and tangible effects, and importance of scientific publications, the government through MOSTI, for the 9MP, was prudent to allocate RM4.1 million to this vital sector of the Academy's activity.

After the infusion of the fund, the Academy launched its aggressive and elaborate plan of disseminating scientific information and achieved its 9MP Key Performance Indicator for scientific publications by the third-quarter of 2010. Only the last issues of *ASM Science Journal,* **4(2)**, 2010 and *Journal of Science and Technology in the Tropics (JOSTT),* **6(2)**, 2010 (co-published with the Confederation of Scientific and Technological Association in Malaysia) were published in January 2011 and February 2011, respectively — missing the 9MP target date.

During the year, a total of 30 publications and 12 issues of *estidotmy* were released by the Academy. Work was also in progress related to the processing of 13 publications which have been scheduled for publication in 2011.

In the area of scientific publications, it was another year of towering achievement for the Academy: four issues of biography/autobiography, a thematic issue of *ASM Sc. J.*, **3(2)**, 2009 on Malaysian Antarctica Research Programme, and the 100th issue of *estidotmy* (a very popular science magazine for students and school teachers) were published. The ASM Council mooted the idea of publishing autobiographies/biographies to document the scientific contribution of Senior Fellows (Academicians of the Academy. Exposing their experiences and achievements in their successful science career paths and in their life's journey in pursuit of excellence — vividly expounded in the publications — they provided "a window for students and stakeholders of the science industry on the importance of science and technology as well as create an ex-

Penerbitan ASM

ASM Publications

untuk mengejar kerjaya dalam sains." Ungkapan ini dipetik daripada prakata autobiografi Academician Dato' Ir. Lee Yee Cheong F.A.Sc. bertema *Think Malaysian Act Global)*.

Buku lain adalah: *A Journey Down Memory Lane: My Times in FRIM* oleh Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor F.A.Sc. (diterbitkan bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia) sempena Ulang Tahun Ke-25 FRIM; *B.C. Sekhar—Malaysia's Man for All Seasons,* biografi yang ditulis oleh Dr Umasuthan Kaloo; dan *Portrait of a Thousand Smiles*, autobiografi oleh Tan Sri Salleh Mohd Nor. Autobiografi Dato' Lee dan biografi mendiang Academician Tan Sri B.C. Sekhar dilancarkan dengan rasminya oleh YB Menteri MOSTI pada 30 November 2010.

citement to pursue a career in science." The quotations are from the foreword of the autobiography of Academician Dato' Ir. Lee Yee Cheong F.A.Sc. entitled *Think Malaysian Act Global.*

The other books being: *A Journey Down Memory Lane: My Times in FRIM* by Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor, F.A.Sc. (published jointly with the Forest Research Institute Malaysia) in conjunction with FRIM's 25th Anniversary; *B.C. Sekhar—Malaysia's Man for All Seasons,* a biography written by Dr Umasuthan Kaloo; and *Portrait of a Thousand Smiles*, an autobiography of Tan Sri Salleh Mohd Nor. The autobiography of Dato' Lee and the biography of the late Academician Tan Sri B.C. Sekhar were officially launched by the Hon. Minister of MOSTI on 30 November 2010.







Berikut adalah penerbitan yang diterbitkan oleh Akademi secara langsung atau tidak langsung, sepanjang tahun ini:

The following publications were released by the Academy directly or indirectly, during the year:

Laporan Tahunan | Annual Report

1. *Laporan Tahunan ASM 2009. | ASM Annual Report 2009.*

Jurnal | Journals

2. *ASM Science Journal,* Vol. **3(2)**, 2009.
3. *ASM Science Journal,* Vol. **4(1),** 2010.
4. *Journal of Science and Technology in the Tropics,* Vol. **5(2),** 2009.
5. *Journal of Science and Technology in the Tropics,* Vol. **6(1),** 2010.

Monograf | Monographs

6. *History of Medicine in Malaysia: The Development of Medical and Health Services, (Vol. 2)* oleh ASM/ Academy of Medicine Malaysia.
7. *Small Farms in Asia—Revitalising Agricultural Production, Food Security and Rural Prosperity* oleh Dr C. Devendra.
8. *The 59th Lindau Meeting of Nobel Prize Winners with Young Scientists and Visits to Centres of Excellence in Germany and UK.*

Penerbitan ASM | ASM Publications

9. *Sustainable Energy in Asia and the Pacific*, Mohd Nordin Hasan and Sukanta Roy (Editors), International Council for Science (penerbitan International Council for Science/ ASM).
10. *Maliau Basin: Physical Environment and Biological Diversity of the Northern Rim.* Ibrahim Komoo, Mazlan Othman, Ikram M. Said and A. Latiff (Editors).
11. *Sustaining Malaysia's Future: The Mega Science Agenda.*
12. *Mosquitoes and Mosquito-borne Diseases—Biology, Surveillance, Control, Personal and Public Protection Measures*, F.S.P. Ng and H.S. Yong (Editors), (Cetakan Ketiga).

Laporan Nasihat | Advisory Reports

13. *Academy of Sciences Malaysia International Conference (ASMIC) 2010* (ASM Advisory Report 1/2010).

Siri Syarahan Nobel Laureate/Perdana/Monograf ASM | Nobel Laureate/Inaugural Lectures/ASM Monograph Series

14. *Education and Collaboration in Fundamental Science as Bridges between Nations* oleh Nobel Laureate Prof Gerardus 't Hooft.
15. *Global Warming and Climate Change* oleh Nobel Laureate Prof Sherwood Roland.
16. *Challenges in Biodiversity Conservation in Malaysia,* by Academician Tan Sri Dr A. Mustaffa Babjee (Syarahan Perdana Tokoh Terkemuka ASM).
17. *Biomass: 'The Green-gold'* oleh Prof K.O. Lim (Syarahan Perdana).
18. *Single Crystal X-ray Structural Determination: A Powerful Technique for Natural Products Research and Drug Discovery* oleh Prof H.K. Fun (Syarahan Perdana).
19. *Cassava and Sweetpotato—What the Future Holds or Quietly the Tuber Fills...* oleh Dr Tan Swee Lian (Syarahan Perdana).
20. *The Decade of the Mind 2010 to 2020: How Malaysian Neuroscientists Can Create Knowledge, Skills and Innovative Research to Drive the 10th and 11th Malaysia Plan within the New Economic Model* oleh Prof Jafri Malin Abdullah (Syarahan Perdana).
21. *Malaysia's Capacity in Bridging the Knowledge Divide and to Become a Hub for National and International Link in Knowledge Developmenrt* oleh Dr Yusof Basiron dan Dr T.C. Chin (Siri Monograf ASM).
22. *Why Study Science?* by Nobel Laureate Prof Richard J. Roberts (Cetakan Ketiga).

Autobiografi/Biografi | Autobiography/Biography

23. *A Journey Down Memory Lane: My Times in FRIM* by Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor [ASM and Forest Research Institute Malaysia (FRIM); Publication for FRIM's 25th Anniversary].
24. *Think Malaysian Act Global*—Autobiography, oleh Academician Dato' Ir. Lee Yee Cheong.
25. *B.C. Sekhar—Malaysia's Man for All Seasons,* biografi yang ditulis oleh Dr Umasuthan Kaloo.
26. *Portrait of a Thousand Smiles,* autobiografi oleh Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor.

Prosiding | Proceedings

27. *Proceedings: National Colloquium on Water Demand Management.*
28. *Managing Lakes and Their Basins for Sustainable Use in Malaysia (Lake Briefs Report Series No.1).*
29. Proceedings of the *Forum on Making IWRM Work: A Review of Current Regional and Global Programmes and Initiatives.*
30. *Malaysian Science and Technology Congress (MSTC 2010)—Programme and Abstracts* (termasuk CD yang mengandungi kertas kerja yang lengkap). (Terbitan bersama COSTAM, UiTM dan Malaysian Senior Scientists' Association).

Majalah Sains | Science Magazine

31. *estidotmy: Inovasi dan Kreativiti*, **Edisi 95**, Vol. 8, Januari 2010.
32. *estidotmy: F1: Teknologi Kelajuan*, **Edisi 96**, Vol. 9, Februari 2010.
33. *estidotmy: Program Penggalakkan Sains*, **Edisi 97**, Vol. 9, Mac 2010.
34. *estidotmy: ICT Merubah Dunia*, **Edisi 98**, Vol. 9, April 2010.
35. *estidotmy: Teknologi Reka Bentuk,* **Edisi 99**, Vol. 9, Mei 2010.
36. *estidotmy: Edisi ke-100*, **Edisi 100**, Vol. 9, Jun 2010.
37. *estidotmy: Teknologi Perubatan dan Kesihatan*, **Edisi 101**, Julai 2010.

Penerbitan ASM | ASM Publications

38. *estidotmy: Material Sains*, **Edisi 102**, Ogos 2010.
39. *estidotmy: Kerjaya Sains, Teknologi dan Inovasi*, **Edisi 103**, September 2010.
40. *estidotmy: Pengiraan dan Matematik*, **Edisi 104**, Oktober 2010.
41. *estidotmy: Sains Angkasa dan Sains Marin*, **Edisi 105**, November 2010.
42. *estidotmy: Konklusi MI2010*, **Edisi 106**, Disember 2010.

Sepanjang tahun ini, kerja bagi penerbitan berikut telah dimulakan, termasuk mentranskripsi rakaman CD syarahan: | During the year, the following editorial processing work was also undertaken, including transcription of CD recordings of lectures:

1. *ASM Science Journal,* Vol. **4(2),** 2010.
2. *Journal of Science and Technology in the Tropics,* Vol. **6(2)** 2010.
3. *ASM Annual Report 2010.*
4. *Groundwater Workshop Proceedings.*
5. *Motorcycle Safety* oleh Prof Radin Umar (Inaugural Lecture)).
6. *ASM Directory of Fellows 2010.*
7. *Mega Science Framework Study for Sustained National Development 2010 – 2050 (Energy Sector).*
8. *Lakes of Malaysia: Coffee-table Book.*
9. Keynote Address: *Building an Innovative Nation* by Tun Dr Mahathir Mohamad (ASMIC 2010).
10. *Educated, Inspired, Connected: The Malaysian Experience* (ASM Lindau Programme 2010).
11. *What Does the Future Look Like? Transformative Technologies and the Global Sustainability Megacrisis* oleh Dr Nick Schofield (ASM Lecture Series).
12. *Science and the World's Future* oleh Prof Emeritus Bruce Edwards (Eminent Person Lecture).
13. *estidotmy: Revolusi Teknologi Penyiaran,* **Edisi 107**, Vol. 9, Januari 2011.













Tiny World Around Us

BY AIFA HAZIQAH AMRAN

Finalist, ASM Photo Contest

Sains untuk Pembangunan

Sains untuk Pembangunan merujuk kepada penggunaan sains untuk pembangunan, mencipta kekayaan dan kesejahteraan sosial.

Science for Development

Science for development refers to the utilization of science for development, wealth creation and societal well-being.

Nasihat kepada Kerajaan
Advice to Government



The Magnificence of Life Sciences

by CRYSTAL NG PEI QI
ASM Photo Contest

Nasihat kepada Kerajaan

Disebabkan Akademi Sains Malaysia merupakan sebuah institusi yang diterajui oleh Felo yang tersohor daripada pelbagai disiplin, Akademi sering diminta untuk memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan berkaitan isu strategik negara. Dalam hal ini, Akademi tidak hanya diberikan tanggungjawab melaksanakan projek jangkamasa pendek dan panjang, tetapi juga diminta untuk mengendalikan *due diligence* ke atas cadangan yang dikemukakan kepada Kerajaan berkaitan pembangunan strategik S&T.

Advice to Government

Due to its multi-disciplinary nature and the high standing of its Fellows, the Academy is frequently called upon to provide independent advice to the government on issues of national strategic interest. In this regard, not only is the Academy given specific short and long term projects, ASM is also called upon to conduct due diligence on proposals related to S&T development that are submitted to the Government.

Nasihat kepada Kerajaan
Advice to Government

Kajian Rangka-Kerja Sains Mega bagi Pembangunan Berterusan Negara (2011 – 2050)

Akademi Sains Malaysia menyambung kerja Kajian Rangka-Kerja Sains Mega yang dijalankan kerana berpendapat bahawa STI dapat memberikan sumbangan besar kepada pembangunan masa depan Malaysia. Harapan adalah supaya memiliki sebuah negara yang sejahtera, aman dan progresif buat rakyat melalui penggunaan STI secara maksimum bagi menampung pembangunan negara dalam 50 tahun akan datang.

Kajian ini telah diuruskan oleh Prof Emeritus Dato' Zakri Abd Hamid F.A.Sc. sehingga 28 Februari 2010 and bermula dari 1 Mei 2010 oleh Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee F.A.Sc. bersama Dr Ahmad Ibrahim F.A.Sc. selaku ahli utama pasukan. Dalam tahun 2010, sembilan pasukan projek dan sembilan mesyuarat jawatankuasa teknikal telah diadakan. Semua bengkel rundingan telah diselesaikan dan laporan terakhir kini sedang disiapkan.

Mega Science Framework Study for Sustained National Development (2011 – 2050)

The Academy continued with its Mega Science Framework Study for it believes that STI can contribute immensely to the future development of Malaysia. The dream is to have a prosperous, peaceful and progressive country for its people through the maximum use of STI in sustaining the country's development for the next 50 years.

The Study was continued to be managed into 2010 by Prof Emeritus Dato' Zakri Abd Hamid F.A.Sc. until 28th February 2010 and from 1 May 2010 by Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee F.A.Sc. with Dr Ahmad Ibrahim F.A.Sc. as its principal team members. In 2010, nine project team and nine technical committee meetings were held. All the consultative workshops were completed and the final reports are being finalized.



Sebahagian peserta di Bengkel Perundingan Pihak Berkepentingan untuk Sektor Kesihatan Sains Mega.
A section of the participants at the Stakeholders Consultation Workshop for the Mega Science Health Sector.



Peserta membincangkan isu berkaitan Sektor Kesihatan Sains Mega.| Participants discussing issues related to the Mega Science Health Sector.

Jawatankuasa Pertanian ASM

Jawatankuasa tersebut, dipengerusikan oleh Datuk Dr Saharan Anang F.A.Sc. bertemu buat pertama kali pada 14 Disember bagi menentukan terma rujukannya secara khusus dan skop tugasnya, serta merancang kegiatannya bagi tahun 2011.

ASM Agriculture Committee

The Committee, chaired by Datuk Dr Saharan Anang F.A.Sc., met for the first time on 14 December to determine its specific terms of reference and scope of work as well as plan its activities for 2011.

Jawatankuasa Biodiversiti ASM

Jawatankuasa berkenaan, dipengerusikan oleh Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee F.A.Sc, bertemu buat pertama kali pada 23 November 2010 dan merumuskan terma rujukannya serta skop tugasan berkaitan, dan akan bertemu lagi pada tahun 2011 untuk menentukan aktiviti selanjutnya.

ASM Biodiversity Committee

The Committee, chaired by Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee F.A.Sc., met for the first time on 23 November 2010 and finalized its terms of reference, scope of works and will meet in 2011 to determine its activities.

Jawatankuasa Perubahan Iklim ASM

Jawatankuasa berkenaan, dipengerusikan oleh Prof Muhammad Awang F.A.Sc., bertemu sebanyak dua kali pada tahun 2010. Jawatankuasa tersebut telah merancang pelancaran buku *Climate Change and Impact on Malaysia* pada 14 Jun 2011, bersempena Kongres Sains Pasifik.

ASM Climate Change Committee

The Committee, chaired by Prof Dr. Muhammad Awang F.A.Sc., met twice in 2010. The Committee has planned for the book *Climate Change and Impact on Malaysia*, to be launched on 14 June 2011, in conjunction with the Pacific Science Congress.

Badan Bertindak Tenaga ASM

Dalam tahun 2010, Sekretariat menyiapkan kertas kerja bertajuk *Framework for the Development of Sustainable Energy in Malaysia* untuk dipertimbangkan oleh Badan Bertindak. Laporan bertema *Renewable Energy in Malaysia* diserahkan kepada YAB Perdana Menteri seperti yang dikehendaki.

ASM Energy Task Force

In 2010, the Secretariat prepared a paper entitled *Framework for the Development of Sustainable Energy in Malaysia* for consideration by the Task Force. A report entitled *Renewable Energy in Malaysia* was submitted to the Right Honorable Prime Minister as requested.

Persidangan Antarabangsa ASM (ASMIC) 2010

Persidangan ini diadakan pada 2 – 3 Jun dengan sokongan MOSTI. ASMIC 2010 bukan sahaja menjadi platform pertukaran idea tetapi juga menggalakkan pertukaran pandangan dengan tujuan meningkatkan peranan STI dalam menyokong NEM terutamanya, dalam bidang ICT, industri kreatif, bioteknologi, biosains dan teknologi termaju. Satu ucaptama, berserta dua belas kertas pleno, telah disampaikan dalam Persidangan berkenaan. Satu Laporan Penasihat meringkaskan hasil persidangan ini diserahkan kepada Kerajaan pada Disember 2010.

ASM International Conference (ASMIC) 2010

The Conference was held from 2 – 3 June with the support of MOSTI. ASMIC 2010 not only acted as a platform for exchanging ideas but also encouraged an exchange of views with regard to enhancing the role of STI in supporting the NEM particularly, in the fields of ICT, creative industries, biotechnology, biosciences and advanced technology. A keynote address, together with twelve plenary papers, was delivered during the Conference. An Advisory Report summarising the findings of the conference was submitted to the Government in December 2010.

Jawatankuasa Perubatan ASM

Jawatankuasa berkenaan membentuk Badan Bertindak Penyakit Tropika, dipengerusikan oleh Prof Emeritus Dato' C.P. Ramachandran F.A.Sc. Ia bertemu buat pertama kalinya pada 8 November dan memutuskan bahawa forum mengenai status penyelidikan penyakit tropika akan diadakan menjelang separuh pertama 2011. Forum ini juga

ASM Medical Committee

The Committee formed the Task Force on Tropical Diseases, chaired by Prof Emeritus Dato' C. P. Ramachandran F.A.Sc. It met for the first time on 8 November and decided that a forum on the status of research on tropical diseases would be held in the first half of 2011. The forum would also take into consideration the impact of climate change and

akan mempertimbangkan kesan perubahan iklim dan aktiviti pengawasan yang dilakukan pelbagai institusi penyelidikan dan universiti.

Laporan Sains dan Teknologi

Laporan S&T berikut telah disediakan Program Nasihat kepada Kerajaan dan diserahkan kepada pelbagai pihak berkuasa dan pertubuhan yang berkaitan.

the surveillance exercises that the various research institutes and universities are undertaking.

Science and Technology Reports

The following S&T reports were prepared by the Advice to Government Programme for submission to various authorities and organisations.

Tajuk Laporan | Title of Report	Pelanggan | Client
Investing Towards the Establishment of the National Innovation Centre	MOSTI
Malaysian Capacity to Bridge the Knowledge Divide to Become a Hub for National and International Link in Knowledge Development	*Perdana Leadership*
Governance and National STI Structure	Pejabat Penasihat Sains Office of the Science Advisor
STI Inputs to the New Economic Model	Pejabat Penasihat Sains Office of the Science Advisor
Major Research Thrusts in the Renewable Energy Sector	Kongres Sains dan Teknologi Malaysia 2010 Malaysian Science and Technology Congress 2010
Green Technology in Global Warming	ICSM 2010

Jawatankuasa Pendidikan Sains ASM

Jawatankuasa tersebut, dipengerusikan oleh Prof Dato' Ir. Chuah Teik Hean F.A.Sc., telah bermesyuarat sebanyak 10 kali pada 2010. Jawatankuasa telah menganjurkan dua bengkel, berjudul *Pendidikan Sains dan Matematik bagi Pihak Berkepentingan*, dengan Prof Ho Chee Cheong F.A.Sc., sebagai pengarah projek berkenaan. Kedua-dua bengkel ini disokong oleh MOSTI dan Kementerian Pelajaran, dan agensi, institusi dan organisasi lain yang berkaitan, seperti PETROSAINS dan MARA.

Bengkel pertama diadakan di Shah Alam, Selangor, pada 2 – 4 Februari, dan ia dihadiri oleh 202 peserta (terdiri daripada 169 guru dan pakar dalam pengajaran sains dan matematik dari pelbagai agensi kerajaan, swasta, NGO dan pertubuhan profesional). Bengkel ini terdiri daripada pembentangan kertas kerja, perbincangan panel dan sesi perpecahan berkumpulan.

Bengkel kedua diadakan di Kota Kinabalu pada 6 – 8 Julai dan telah dihadiri oleh 101 guru dan pakar.

ASM Science Education Committee

The Committee, chaired by Prof Dato' Ir. Chuah Hean Teik F.A.Sc., had 10 meetings in 2010. The Committee organised 2 workshops, entitled *Science and Mathematics Education Workshop for Stakeholders*, with Prof Ho Chee Cheong F.A.Sc., as the project director. Both workshops were supported by MOSTI and Ministry of Education and other related agencies, institutions and organizations, such as PETROSAINS and MARA.

The 1st workshop was held in Shah Alam, Selangor, from 2 – 4 February and attended by 202 participants (made up of 169 teachers and experts in the teaching of science and mathematics from various government agencies, private agencies, NGOs and professional bodies). The workshop consisted of paper presentations, a panel discussion and breakout group sessions.

The 2nd workshop was held in Shah Alam, Selangor from 2 – 4 February and attended by 101 teachers and experts. The Workshop focused on rural schools

Nasihat kepada Kerajaan

Advice to Government



Sebahagian peserta di Bengkel yang pertama di Shah Alam.
A Section of the participants at the 1st Workshop in Shah Alam.



Diskusi Panel yang dipengerusikan oleh Prof Dato' Chuah Hean Teik F.A.Sc. | *Panel Discussion chaired by Prof Dato' Chuah Hean Teik F.A.Sc.*

Bengkel ini ditumpukan kepada sekolah kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak dan dirasmikan oleh Prof Dato' Ir. Chuah Teik Hean F.A.Sc.

Hasil bengkel, satu Laporan Nasihat, telah disokong oleh Majlis ASM dan akan diserahkan kepada Kerajaan pada awal tahun 2011.

in Sabah and Sarawak and took place in Kota Kinabalu, Sabah from 6 – 8 July and was officiated by Prof Dato' Ir. Chuah Hean Teik F.A.Sc.

The deliverable, an Advisory Report, was endorsed by the ASM Council and will be submitted to the Government in early 2011.

Jawatankuasa Air ASM

Jawatankuasa berkenaan, dipengerusikan oleh Academician Tan Sri Ir. Shahrizaila Abdullah F.A.Sc., mengadakan dua mesyuarat pada 2010 bagi meneliti pelbagai isu berkaitan air yang mendasari Pengurusan Sumber Air Bersepadu dengan setiap badan bertindak berkaitan bertanggungjawab terhadap sesebuah topik keutamaan tertentu dan dipengerusikan oleh salah seorang ahli jawatankuasa tersebut.

ASM Water Committee

The Committee, chaired by Academician Tan Sri Ir. Shahrizaila Abdullah F.A.Sc., had two meetings in 2010 perusing the various water-related issues underpinning Integrated Water Resources Management with each task force looking after specific topics of importance and chaired by a member of the committee.



Segelintir peserta di Bengkel ke-2 di Kota Kinabalu.
A section of the participants at the 2nd Workshop in Kota Kinabalu.

Nasihat kepada Kerajaan

Badan Bertindak Pengurusan Lembangan Tasik Bersepadu, dipengerusikan oleh Academician Tan Sri Ir. Shahrizaila Abdullah F.A.Sc., mengadakan perbincangan dengan NAHRIM dan Jabatan Pengairan dan Saliran mengenai persiapan bagi mencetak sebuah buku bacaan santai mengenai tasik, yang dirancang penerbitannya pada 2011.

Badan Bertindak Air Tanah, dipengerusikan oleh Datuk Fateh Chand F.A.Sc., menganjurkan 5 bengkel bagi mengatasi jurang yang dikenal pasti sewaktu Kolokium Air Tanah yang telah diadakan pada tahun 2009. Dalam menganjurkan 5 bengkel berkenaan, agensi yang bekerjasama adalah:

- Kementerian Sumber Alam dan Alam Sekitar
- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
- Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia; dan
- Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia.

Prosiding daripada 5 bengkel berkenaan akan diterbitkan pada awal tahun 2011. Laporan Nasihat Strategik Air Tanah akan diserahkan kepada Kerajaan pada awal tahun 2011.

Badan Bertindak Air dan Perubahan Iklim, dipengerusikan oleh Dr Salmah Zakaria F.A.Sc., mengadakan dua mesyuarat pada 2010. Badan Bertindak berkenaan telah mengeluarkan kertas dasar mengenai tujuan keseluruhan seperti berikut:

"Untuk mempersembahkan kepada Badan Bertindak Perubahan Iklim dan Sumber Air serangkaian ringkasan kesimpulan dan cadangan setelah meneliti pelbagai dokumen (salinan cetakan dan media elektronik) maklumat utama yang ada mengenai inisiatif dan program pada masa lalu dan terkini yang dilakukan di Malaysia dan kawasan di dalam zon iklim yang sama dengan mengambil kira kesan perubahan iklim dalam isu berkaitan air."

Draf pertama kertas dasar dibincangkan buat pertama kali oleh Badan Bertindak berkenaan pada 15 November dan laporan akhir dihantar pada 15 Disember.

Badan Bertindak Pengurusan Permintaan Air, dipengerusikan oleh Dato' Ir. Syed Mohamad Shahabudin F.A.Sc., mengadakan pertemuan pertama mereka pada 26 November bagi membincangkan hasil Kolokium Pengurusan

Advice to Government

The Integrated Lake Basin Management Task Force, chaired by Academician Tan Sri Ir. Shahrizaila Abdullah F.A.Sc., had discussions with NAHRIM and Drainage and Irrigation Department on the preparations towards printing a Lake Coffee Table Book, which was planned for publication in 2011.

The Groundwater Task Force, chaired by Datuk Fateh Chand F.A.Sc., organised 5 Workshops addressing the gaps identified during the Groundwater Colloquium held in 2009. In organising the 5 Workshops, the collaborating agencies were:

- Ministry of Natural Resources and Environment
- Ministry of Energy, Green Technology and Water
- Department of Minerals and Geoscience Malaysia; and
- The National Hydraulic Research Institute of Malaysia.

The Proceedings of the 5 Workshops will be published in early 2011. The Groundwater Strategic Advisory Report will be submitted to the Government in early 2011.

The Task Force on Water and Climate Change, chaired by Dr Salmah Zakaria F.A.Sc., had two meetings in 2010. The task force had commissioned a position paper on the overall objective of which is as follows:

"To present to the Task Force on Climate Change and Water Resources a synthesized set of summary conclusions and recommendations after perusing various documentations (hard-copy and electronic media) of key available information on past and current initiatives and programmes undertaken within Malaysia and in areas within the same climatic zone with regard to the impact of climate change on water-related issues."

The draft position paper was first discussed by the Task Force on 15 November and the final report was submitted on 15 December.

The Task Force on Water Demand Management, chaired by Dato' Ir. Syed Mohamad Shahabudin F.A.Sc., had their first meeting on 26 November to discuss the Water Demand Management

Permintaan Air, dianjurkan dengan kerjasama ASM dan Perkongsian Air Malaysia yang diadakan pada 19 – 21 Oktober 2009.

Kem Nanotech Asia (ANC) ke-3 2010

ANC yang dimulakan oleh Forum Asia Nano (ANF) merupakan usaha berterusan ke arah memupuk pemimpin muda dalam bidang nanoteknologi di Asia. ANF merupakan jaringan organisasi yang disokong oleh 15 kuasa ekonomi di rantau Asia Pasifik.

Pada tahun ini, Kem Nanotech Asia 2010 ini dimulakan oleh Institut Penyelidikan dan Kejuruteraan Bahan (Singapura) dan ASM. Program diadakan pada bulan Oktober (3 – 15) dan 40 saintis nanoteknologi handalan muda yang terbaik dari 35 universiti di 13 negara menyertai kem ini.

Colloquium, jointly organised by ASM and the Malaysian Water Partnership which was held on 19 – 21 October 2009.

3rd Asia Nanotech Camp (ANC) 2010

The ANC initiated by Asia Nano Forum is a continuous effort towards fostering young nanotechnology leaders in Asia. ANF is a network organization supported by 15 economies in the Asia Pacific region.

This year Asia Nanotech Camp 2010 was initiated by the Institute of Materials Research and Engineering (Singapore) and ASM. The programme convened in October (3 – 15) and 40 of the best and brightest young nanotechnology scientists from 35 universities in 13 countries attended this Camp.



Peserta ANC semasa lawatan ke makmal di MIMOS.
ANC Participants during a laboratory visit to MIMOS.



Peserta ANC dengan YB Menteri MOSTI.
ANC Participants with the Hon. Minister of MOSTI.

Nasihat kepada Kerajaan

Di Malaysia, peserta ANC juga berkesempatan untuk bertemu dengan YB Menteri, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili bagi berkongsi pengalaman, pendapat dan minat mereka dalam nanoteknologi. Program di Malaysia ini diselaraskan bersama oleh Jawatankuasa Badan Bertindak Nanoteknologi ASM dan Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan (MOSTI) yang baru ditubuhkan.

Bengkel Pembangunan Inovatif Modal Insan di Peringkat PhD

Bengkel ini dianjurkan bersama oleh ASM, Universiti Terbuka Malaysia, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi dan MOSTI di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 21 – 22 April.

Bengkel ini bertujuan menyediakan platform bagi mengadakan perbincangan, pertukaran idea dan berkongsi pengalaman mengenai pelaksanaan program PhD perindustrian di Malaysia. Pelan tindakan bagi pelaksanaan program berkenaan akan disiapkan setelah input daripada bengkel dikumpulkan.

Acara ini dibuka dengan rasminya oleh YB Timbalan Menteri MOSTI, Fadillah Yusof, dan menarik lebih daripada 70 peserta dari universiti, agensi kerajaan, institusi penyelidikan dan industri. Sejumlah 11 kertas kerja dibentangkan oleh penceramah tempatan dan antarabangsa. Perbincangan berkumpulan dan sesi pembentangan dijalankan pada hari kedua.

Bengkel ini berjaya mencapai matlamatnya dan Program PhD Perindustrian disertakan dalam RMK10.

Advice to Government

In Malaysia, the ANC participants also had an opportunity to meet the Hon. Minister, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili to share their experiences, thoughts and interests in nanotechnology. The programme in Malaysia was co-ordinated by the ASM Nanotechnology Task Force Committee and the newly established National Nanotechnology Directorate (MOSTI).

Workshop on Innovative Development of Human Capital at Phd Level

The workshop was jointly organized by the ASM, Open University Malaysia, Higher Education Leadership Academy, Ministry of Higher Education and MOSTI at Kuala Lumpur Convention Centre on 21 – 22 April.

The workshop was aimed to provide a platform for discussion, exchange of ideas and sharing of experiences with regards to the implementation of an industrial PhD programme in Malaysia. A plan of action for implementation of the programme will be drawn up upon compiling the input of the workshop.

The event was officially opened by the Hon. Deputy Minister Fadillah Yusof of MOSTI and attracted over 70 participants from universities, government agencies, research institutes and industries. A total of 11 papers were presented by local and international speakers. A group discussion and presentation session was conducted on the second day.

The Workshop successfully met its objectives and the Industrial PhD Programme was included in 10MP.



Prof Madya Dr Mary Anne Heng dari Universiti Teknologi Nanyang, Singapura menyampaikan syarahan beliau bertema Pembelajaran Besar untuk Kanak-kanak di Bengkel ke-2.
Associate Prof Dr Mary Anne Heng from Nanyang Technological University, Singapore presenting her talk on Big Learning for Children at the 2nd Workshop.

Pencapaian Program RMK9 Tahun 2010

Achievements of 9MP Programme for the year 2010



Bubble Colours at Home

by SAIFULLAH SUHAIRI
ASM Photo Contest

Pencapaian Program RMK9 Tahun 2010
Achievements of 9MP Programme for the year 2010

Program / Projek: Program Nobel Laureate Kebangsaan

No.	Objektif	Hasil yang ingin dicapai	Indikator pengukuran pencapaian	Pencapaian sebenar projek	Kumpulan sasaran	Impak
1	• Penyediaan satu landasan bagi masyarakat saintifik, para akademik, profesional dan pelajar di Malaysia berinteraksi dengan kepakaran antarabangsa seperti pemenang Hadiah Nobel untuk membolehkan perbincangan dan interaksi ke arah pertukaran ilmu dan menggalakkan kecemerlangan dalam sains, teknologi dan inovasi.	• Pemenang Hadiah Nobel menjalankan program di Malaysia.	• 10 pemenang Hadiah Nobel menjalankan program di Malaysia.	• 12 pemenang Hadiah Nobel telah menjalankan program di Malaysia.	• Masyarakat saintifik. • Para akademik. • Ahli profesional sains. • Para pelajar (universiti dan sekolah). • Masyarakat umum.	• Program ini telah berjaya mewujudkan satu *branding* bagi Program Nobel Laureate Kebangsaan yang berfokus kepada pencapaian kecemerlangan dalam STI bagi membina satu asas saintifik yang kukuh di Malaysia dan menghasilkan saintis berkaliber yang mampu meraih pengiktirafan antarabangsa.
		• Syarahan Awam, Syarahan Saintifik atau Sesi Motivasi Sains oleh pemenang Hadiah Nobel.	• 10 Syarahan Awam, Syarahan Saintifik atau Sesi Motivasi Sains oleh pemenang Hadiah Nobel.	• 12 Syarahan Awam, Syarahan Saintifik atau Sesi Motivasi Sains oleh pemenang Hadiah Nobel telah diadakan.		• Program ini membina satu landasan untuk meningkatkan interaksi antara komuniti saintifik Malaysia, pelajar dan masyarakat umum dengan pemenang Hadiah Nobel atau saintis terkemuka. Ini meningkatkan kecenderungan ke arah pencapaian kecemerlangan dalam STI.
2	• Pemantapan ilmu, kemampuan dan kemahiran saintifik di kalangan para penyelidik dan saintis Malaysia melalui peningkatan interaksi secara berterusan antara penyelidik Malaysia dengan pemenang Hadiah Nobel selain memberi pendedahan tentang perkara terkini dalam penyelidikan sains.	• Sesi dialog antara pemenang Hadiah Nobel dan penyelidik Malaysia.	• 10 dialog antara penyelidik dan pemenang Hadiah Nobel.	• 10 dialog antara penyelidik dan pemenang Hadiah Nobel telah diadakan.	• Penyelidik dari universiti dan institusi penyelidikan.	• Dialog antara penyelidik dan pemenang Hadiah Nobel atau saintis terkemuka yang lain membolehkan pembukaan minda para saintis tempatan kepada perspektif baru dan membuka peluang untuk tindakan susulan ke arah mewujudkan kerjasama penyelidikan.

Pencapaian Program RMK9 Tahun 2010

Achievements of 9MP Programme for the year 2010

No.	Objektif	Hasil yang ingin dicapai	Indikator pengukuran pencapaian	Pencapaian sebenar projek	Kumpulan sasaran	Impak
	• Perwujudan peluang untuk membentuk jaringan kerjasama penyelidikan atau mendapatkan khidmat nasihat kepakaran antarabangsa.	• Kerjasama penyelidikan dengan makmal pemenang Hadiah Nobel atau Pusat Kecemerlangan STI yang terkemuka di dunia.	• 5 kerjasama penyelidikan.	• 4 kerjasama penyelidikan telah diadakan dan 5 kerjasama penyelidikan telah dipersetujui.	• Penyelidik dari universiti dan institusi penyelidikan.	• Interaksi saintis tempatan dengan pemenang Hadiah Nobel dan saintis terkemuka lain, kerjasama penyelidikan yang diwujudkan dan persidangan/ forum/ seminar yang melibatkan saintis terkemuka ini menyumbang ke arah mencatat nama Malaysia di arena STI antarabangsa.
		• Persidangan/ forum/ seminar saintifik.	• 5 persidangan/ forum/ seminar saintifik.	• 5 persidangan/ forum/ seminar saintifik telah diadakan.	• Komuniti saintifik (universiti awam dan swasta serta institusi penyelidikan). • Ahli pengurusan tertinggi organisasi berkenaan STI. • Pelajar pasca siswazah, universiti. • Ahli badan profesional STI.	
3	• Peningkatan prestasi saintis muda negara melalui interaksi dengan pemenang Hadiah Nobel dan saintis muda yang cemerlang dari seluruh dunia. • Pendedahan atau latihan kepada saintis muda pasca kedoktoran atau pelajar PhD Malaysia tentang penyelidikan dan kepakaran di pusat kecemerlangan sains yang terkemuka di dunia. • Penanda aras dan peningkatan taraf penyelidikan Malaysia ke tahap antarabangsa	• Program Lindau pemilihan dan penyertaan delegasi Malaysia di mesyuarat tahunan pemenang Hadiah Nobel dengan saintis muda di Lindau, Jerman.	• 17 saintis muda Malaysia yang dipilih untuk menyertai mesyuarat tahunan pemenang Hadiah Nobel dengan saintis muda di Lindau, Jerman.	• 20 saintis muda Malaysia telah dipilih untuk menyertai mesyuarat tahunan pemenang Hadiah Nobel dengan saintis muda di Lindau, Jerman.	• Saintis muda. • Penyelidik pasca kedoktoran.	• Program ini berjaya membangunkan saintis muda negara secara efektif. Setakat ini, 20 saintis muda terkemuka di dunia telah dipilih untuk menyertai mesyuarat tahunan pemenang Hadiah Nobel dengan saintis muda di Lindau, Jerman. Hanya lebih kurang 500 saintis muda dari 67 negara dipilih untuk mesyuarat Lindau daripada beribu-ribu permohonan. Ini merupakan satu pengiktirafan antarabangsa bagi saintis muda negara. Akademi Sains Malaysia juga telah dihargai oleh Majlis Lindau bagi proses pemilihan saintis muda yang mantap yang membolehkan pemilihan calon yang berkaliber dan berprestasi
		• Program lawatan sambil belajar/ lawatan teknikal ke pusat kecemerlangan STI yang terkemuka di dunia.	• 5 lawatan sambil belajar atau lawatan teknikal ke pusat kecemerlangan STI yang terkemuka di dunia.	• 5 lawatan sambil belajar atau lawatan teknikal ke pusat kecemerlangan STI yang terkemuka di dunia telah diadakan.	• Saintis muda. • Penyelidik pasca kedoktoran/ pelajar PhD yang unggul dan pemimpin program penyelidikan di Malaysia.	
		• Program pengukuhan saintis muda—pasca kedoktoran atau pasca siswazah untuk sarjana atau PhD dalam STI.	• 10 saintis muda—pasca kedoktoran atau pasca siswazah untuk sarjana atau PhD dalam STI dilatih melalui penempatan jangkamasa pendek/	• 10 saintis muda—pasca kedoktoran atau pasca siswazah untuk sarjana atau PhD dalam STI telah dilatih melalui penempatan jangkamasa pendek/	• Saintis muda. • Pasca kedoktoran atau pasca siswazah yang unggul yang mengikuti program sarjana atau PhD dalam STI.	

Pencapaian Program RMK9 Tahun 2010

Achievements of 9MP Programme for the year 2010

No.	Objektif	Hasil yang ingin dicapai	Indikator pengukuran pencapaian	Pencapaian sebenar projek	Kumpulan sasaran	Impak
	melalui bimbingan dan khidmat nasihat daripada pemenang Hadiah Nobel kepada program STI atau penyelidikan Malaysia, para penyelidik dan saintis muda Malaysia untuk meningkatkan kemampuan, kemahiran dan ilmu dalam penyelidikan sains.		sederhana di makmal pusat kecerlangan STI terkemuka di dunia.	sederhana di pusat kecemerlangan terkemuka di dunia.		tinggi bagi mesyuarat Lindau. • Lawatan sambil belajar bagi saintis muda bersama saintis terkemuka negara ke pusat kecemerlangan antarabangsa dalam STI telah berjaya membolehkan 3 saintis muda mendapatkan penempatan di pusat kecemerlangan STI bagi program PhD atau pasca kedoktoran.
		• Pemenang Hadiah Nobel menjadi penasihat kepada program STI/ penyelidikan sains universiti/ institusi penyelidikan atau makmal penyelidikan khusus.	• 5 pemenang Hadiah Nobel menjadi penasihat kepada program STI/ penyelidikan sains universiti/ institusi penyelidikan atau makmal penyelidikan khusus.	• 5 pemenang Hadiah Nobel telah menjadi penasihat kepada program STI/ penyelidikan sains universiti atau makmal penyelidikan khusus.	• Penyelidik dari universiti dan institusi penyelidikan dan komuniti saintifik.	• Program ini telah membolehkan 5 pemenang Hadiah Nobel terlibat dalam kapasiti penasihat kepada program R&D universiti tempatan atau program ASM yang melibatkan penilaian saintis terkemuka seperi untuk Anugerah Sains Mahathir.
4	• Penggalakan satu budaya kecemerlangan STI, mencungkil daya kreativiti dan inovasi dari tahap sekolah. • Pendedahan bagi pelajar sekolah tentang pengiktirafan antarabangsa seperti Hadiah Nobel dalam bidang sains bagi penjanaan ilmu baru atau penemuan baru.	• Program Jangkauan Luar Nobel.	• 10 program Jangkauan Luar Nobel.	• 10 Program Jangkauan Luar Nobel telah diadakan.	• Pelajar sekolah menengah atas.	• Program ini yang berfokus untuk menyemai kecenderungan untuk mencapai kecemerlangan dalam STI di kalangan pelajar sekolah telah menghasilkan para pelajar yang menceburi bidang penyelidikan sains apabila memasuki universiti.
		• Pemenang *National Science Challenge* diberikan peluang menghadiri upacara penyampaian Hadiah Nobel di Stockholm, Sweden setiap tahun dan mendengar syarahan pemenang Hadiah Nobel.	• 15 pemenang *National Science Challenge* diberikan peluang menghadiri upacara penyampaian Hadiah Nobel di Stockholm, Sweden setiap tahun dan mendengar syarahan pemenang Hadiah Nobel.	• 15 Pemenang *National Science Challenge* telah diberikan peluang menghadiri upacara penyampaian Hadiah Nobel di Stockholm, Sweden.	• Pelajar sekolah menengah atas.	
5	• Penampilan kemahiran dan kemampuan saintifik Malaysia melalui	• Pemenang Anugerah Sains Mahathir.	• 5 pemenang Anugerah Sains Mahathir.	• 4 penyelidik telah dianugerahkan Anugerah Sains Mahathir.	• Penyelidik sedunia yang menjalankan penyelidikan tropika.	• Anugerah antarabangsa ini membolehkan Malaysia mencatat nama di arena STI antarabangsa

Pencapaian Program RMK9 Tahun 2010

Achievements of 9MP Programme for the year 2010

No.	Objektif	Hasil yang ingin dicapai	Indikator pengukuran pencapaian	Pencapaian sebenar projek	Kumpulan sasaran	Impak
	Anugerah Kecemerlangan Sains Antarabangsa yang bukan hanya untuk rakyat Malaysia tetapi bagi saintis dari seluruh dunia yang memberikan sumbangan dalam bidang sains tropika.					dan secara tidak langsung menarik penyumbangan kepakaran saintis terkemuka ke arah membina asas STI yang kukuh di Malaysia.

Program/ Projek: Ekspedisi Saintifik

Objektif	Output dihasilkan	Hasil yang ingin dicapai	Indikator pengukuran	Pencapaian sebenar
• Untuk mempertingkatkan pengetahuan saintifik kawasan yang kaya dengan sumber biodiversiti tetapi kurang diterokai di Malaysia. • Meningkatkan daya kemampuan dan kebolehan para penyelidik mengkaji kepelbagaian flora dan fauna, kepelbagaian fizikal dan lanskap, pemuliharaan dan usaha potensi pelancongan. • Membangunkan suatu kerjasama jangka panjang antara agensi pengelola dan pihak yang berkepentingan.	• Satu ekspedisi saintifik ke Kawasan Konservasi Ngarai Imbak, Sabah dianjurkan secara bersama oleh ASM dan Yayasan Sabah dibantu oleh Taman-taman Sabah, Jabatan Hutan Sabah, Pusat Biodiversiti Sabah, Jabatan Hidupan Liar Sabah, UMS, UKM, UPM, WWF–Malaysia dan Muzium Sabah yang disertai 100 orang penyelidik dari pelbagai disiplin. • Satu seminar dilaksanakan iaitu Seminar Ekspedisi Saintifik Gunung Benom di Putrajaya dianjurkan secara bersama oleh ASM dan Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang disertai 120 peserta. • 31 kertas kerja saintifik mengenai Ekspedisi Saintifik Gunung Benom (akan diterbitkan). • Satu penerbitan saintifik bertajuk *Maliau Basin: Physical Environment and Biological Diversity of the Northern Rim* telah diterbitkan berdasarkan Ekspedisi Saintifik Maliau Basin, 2006.	• Maklumat saintifik mengenai sumber biodiversiti negara amnya dan kawasan ekspedisi khasnya semakin bertambah. • Kerjasama saintifik di antara pelbagai disiplin dan institusi semakin meningkat.	• Bilangan penerbitan yang dihasilkan. • Bilangan saintis daripada pelbagai disiplin yang menyertai ekspedisi saintifik dan seminar. • Bilangan institusi yang menjadi penganjur bersama ekspedisi saintifik dan seminar.	• 31 kertas kerja saintifik mengenai Ekspedisi Saintifik Gunung Benom (akan diterbitkan). • Seramai 100 orang penyelidik dari pelbagai displin telah menyertai ekspedisi saintifik. • Seramai 120 orang peserta telah menyertai seminar. • Sebanyak 8 institusi dan 3 universiti telah bekerjasama dengan ASM menganjurkan ekspedisi saintifik dan seminar. • Sebanyak satu penerbitan saintifik berdasarkan Ekspedisi Saintifik Maliau Basin telah dihasilkan.

Program/ Projek: *National Science Challenge*

Objektif	Output indikator	Output dicapai	Kumpulan sasaran
• Pertandingan ini bertujuan mewujudkan kesedaran sains di kalangan pelajar serta menggalakkan kecemerlangan sains dan teknologi di kalangan pelajar. • Ia juga bertujuan meningkatkan minat pelajar dalam mata pelajaran sains dan matematik selain menggalakkan mereka memilih kerjaya dalam bidang sains dan teknologi.	• Satu pasukan pemenang.	• Satu pasukan pemenang.	• Pelajar sekolah menengah khususnya pelajar tingkatan empat dari kesemua 16 negeri.

Program/ Projek: Penyelidikan Antartika (Polar)

Objektif	Output dihasilkan	Hasil yang ingin dicapai	Indikator pengukuran	Pencapaian sebenar
